

**Bil. 69**

**Khamis  
20 November 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

# KANDUNGAN

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

### Jawatankuasa:

#### Jadual -

Maksud B. 26 dan B. 27

(Ruangan 13)

Maksud B. 28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B. 33

(Ruangan 16)

## USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1998

### Jawatankuasa:

Maksud P. 26 dan P. 27

(Ruangan 13)

Maksud P.28, P.29, P.30, P.31, P.32 dan P. 33

(Ruangan 16)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- Yang Berhormat Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)



- Yang Berhormat      Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “                      Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                      Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                      Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                      Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,  
P.J.K. (Bagan Serai)
- “                      Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                      Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                      Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,  
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                      Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                      Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                      Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                      Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                      Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                      Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                      Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                      Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “                      Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                      Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                      Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                      Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                      Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                      Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                      Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                      Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “                      Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “                      Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- Yang Berhormat      Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                      Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                      Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lumar)
- “                      Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                      Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                      Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                      Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                      Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                      Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                      Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “                      Tuan Yunus bin Rahmat (Jejebu)
- “                      Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                      Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                      Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                      Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
- Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
Puan Nor Hayatee binti Abdullah

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 20 November 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**DESTINASI PELANCONGAN RANTAU  
ABANG - USAHA PEMBANGUNAN**

**1. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof [Dungun]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah perancangan yang sedang dilaksanakan oleh kementerian dengan kerjasama kerajaan negeri untuk membangun kawasan pelancongan Rantau Abang sebagai destinasi pelancongan utama memandangkan adanya pelbagai sekat pembinaan bangunan termasuk pembinaan hotel dan resort dan pendaratan penyu yang berkurangan dari setahun ke setahun yang asalnya menjadi tarikan pelancong luar negeri sedangkan Rantau Abang tetap mempunyai pantai yang permai dan indah serta memiliki lokasi yang strategik.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa Rantau Abang masih menjadi destinasi pelancongan yang berasaskan penyu dan pantai sebagai daya tarikan. Untuk memastikan bahawa kawasan ini tumbuh secara berterusan sebagai destinasi pelancongan yang berasaskan kekuatan tersebut, maka kerajaan telah menubuhkan Majlis Penasihat Sanctuary Penyu yang berperanan melihat penyu dan memulihkan pendaratan penyu serta menasihatkan kerajaan mengenai dasar kawalan pembangunan pantai.

Di samping itu, kerajaan sedang menambah kemudahan dengan mendirikan Pusat Penyelidikan Penyu dan kemudahan istirehat di lagun berdekatan. Walaupun pembinaan bangunan hotel dan resort tidak ada sekat, namun dikenakan syarat yang di antaranya bangunan yang hendak dibina mestilah tidak melebihi dua tingkat; tiada limpahan cahaya lampu ke pantai dan dimestikan menanam pokok-

pokok bagi memastikan Rantau Abang tetap dikenali sebagai kawasan pelancongan dan pendaratan penyu.

Lantaran itu, kekurangan kedatangan penyu bukan disebabkan oleh pembangunan fizikal, tetapi banyak disebabkan oleh kejadian alam yang mempengaruhi pembiakan dan kehidupan penyu.

**Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian sedar bilangan pelancong dan penyu berkurangan dari setahun ke setahun dan saya hendak tahu apakah tindakan kerajaan atau kementerian selanjutnya untuk meramaikan lagi pelancong dan penyu. *[Ketawa]*

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tadi, masih jadi satu destinasi namun penyu semakin hari semakin kurang. Tetapi kita ada menubuhkan Majlis Penasihat Sanctuary Penyu, itulah peranannya memelihara penyu dan membolehkan pendaratan penyu serta menasihatkan kerajaan mengenai dasar kawalan. Itulah jawapannya.

**PETROLEUM - PENEMUAN KAWASAN  
BARU DAN KADAR KELUARANNYA**

**2. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Perdana Menteri menyatakan penemuan baru kawasan petroleum, jika ada. Juga nyatakan kadar keluaran sekarang dan nyatakan juga reservenya dan apakah wawasan industri petroleum negara menjelang alaf baru yang akan datang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan eksplorasi dan pembangunan yang dijalankan di kawasan sedia ada pada tahun kewangan Petronas berakhir 31 Mac 1997 telah berjaya menambah sebanyak 230 milion tong minyak dan 1.4 trilion kaki padu gas kepada rizab minyak dan gas negara. Rizab minyak negara kini berjumlah 3.9 bilion tong dan rizab gas pula berjumlah 79.8 trilion kaki padu. Sementara itu kadar semasa pengeluaran purata minyak adalah berjumlah 650,000 tong sehari dan pengeluaran purata gas pula berjumlah 4,207 juta kaki padu sehari.

Menjelang alaf baru yang akan datang usaha yang lebih padu akan diambil bagi memastikan industri petroleum akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan negara. Langkah akan diambil untuk memastikan bekalan tenaga yang mencukupi, terjamin dan pada kos yang

berkesan serta menggunakan sumber tenaga dengan cekap di samping meminimumkan kesan negatif ke atas alam sekitar.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada satu masa dahulu Petronas telah membuat kajian mengenai dengan kononnya terdapat minyak dan gas di kawasan perairan pantai negeri Kedah termasuk di Pulau Langkawi. Bagaimana kedudukan kajian itu pada masa sekarang?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat saya sudah jawab soalan ini dalam sesi yang lepas.

**Datuk Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya bahawa jualan minyak kita adalah berasaskan Dolar Amerika. Pada masa ini Dolar Amerika adalah tinggi nilai berbanding dengan Ringgit Malaysia. Persoalannya adakah Petronas meningkatkan kadar keluaran minyak sekarang ini supaya kita dapat keuntungan yang lebih sedikit dan dengan ini boleh meringankan ataupun memberi faedah kepada ekonomi negara kita?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jawapan kepada soalan pertama ialah ya, dalam Dolar. Bagi soalan kedua, sebenarnya kita meningkatkan pengeluaran kepada 650,000 tong satu hari disebabkan oleh kerana permintaan yang begitu banyak waktu ini kerana musim sejuk di sebelah Eropah dan Amerika. Jadi, tidak dinaikkan pengeluaran untuk mendapat lebih tetapi kerana memang ada demand pada waktu ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Kee Kwong.

*[Soalan No. 3 - Y.B. Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) tidak hadir]*

#### **TANAH UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN- KEPENTINGAN PEMILIK TANAH**

**4. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah kementeriannya bercadang untuk mewajibkan agar para pemilik tanah yang tanah mereka diambil untuk projek pembangunan dijadikan rakan kongsi atau mempunyai saham dalam projek berdasarkan nilai tanah para pemilik berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas]:** Tuan Yang

di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada cadangan untuk mewajibkan agar pemilik tanah yang tanah mereka diambil untuk projek pembangunan dijadikan rakan kongsi atau mempunyai saham dalam projek berdasarkan nilai tanah para pemilik berkenaan. Walau bagaimanapun, selain daripada pengambilan tanah bagi tujuan awam, Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 ada memperuntukkan supaya rundingan diadakan terlebih dahulu antara pemilik dan pihak pemaju bagi membolehkan tuan-tuan tanah mengambil bahagian dalam pembangunan tanah yang terlibat dengan pengambilan sama ada secara usahasama atau memegang ekuiti dalam projek.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Setiausaha Parlimen sedar bila pemilik-pemilik tanah ini telah menyerahkan hakmilik tanah kepada pemaju perumahan terdapat pemilik-pemilik tanah ini yang mula membuka cawangan baru, cawangan rumah tangga maksudnya. Jadi, masalah yang timbul ialah timbul permasalahan sosial di sini di mana apabila mereka mendapat ganjaran dalam bentuk kewangan, maka cara kehidupan mereka berbeza. Itu sebabnya pihak kementerian harus memikirkan tentang soal pemilik tanah harus diberikan kesempatan untuk menjadi rakan kongsi, dan jika tidak ada rancangan berbuat demikian, apakah alternatif yang terbaik agar pemilikan tanah-tanah peneroka yang kebanyakan orang Melayu tidak terpinggir ke kawasan-kawasan luar bandar dan mungkin tinggal di pinggir-pinggir hutan?

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah kerajaan mengambil berat tentang kebajikan tuan-tuan tanah sama ada yang mahu menjualkan tanah mereka ataupun yang telah menjualkan tanah. Tetapi dalam hal ini kerajaan tidak memperuntukkan supaya tuan-tuan tanah ini mempunyai ekuiti ataupun saham di dalam memajukan tanah berkenaan. Ini semata-mata kerajaan mahu memberi pilihan kepada tuan tanah. Sekiranya diwajibkan, maka tuan tanah tidak ada pilihan, maka ia wajib menyertai usahasama.

Walaupun bagaimanapun, selain daripada itu, pindaan yang baru ini iaitu Akta A999 ada memperuntukkan supaya tuan-tuan punya tanah ini terjamin kepentingannya. Misalannya, sebagaimana yang saya kata tadi pemaju kenalah berunding dengan tuan-tuan tanah dahulu. Kalau rundingan berjaya barulah pengambilan tanah diteruskan. Kemudian, pihak UPEN dan pihak EPU akan mengkaji penyertaan tuan tanah dengan tawaran

pemaju. Jadi, kalaulah terdapat persetujuan di antara kedua pihak barulah diteruskan projek berkenaan.

Selain daripada itu, pemaju juga kena membayar deposit untuk permohonan pengambilan tanah, iaitu sebanyak 125% daripada nilai pasaran tanah berkenaan. Deposit ini ialah untuk tujuan membayar pampasan yang mencukupi kerana tuan tanah itu sekiranya pemaju gagal meneruskan pengambilan tanah berkenaan. Jadi, saya rasa di bawah pindaan terbaru ini, kepentingan tuan tanah ini dijaga. Tetapi kalaulah ada masalah-masalah sosial yang timbul kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ada yang buka cawangan baru dan sebagainya, itu di luar bidang kuasa kerajaan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Pengambilan Balik Tanah yang baru dipinda dalam Dewan ini lebih kurang setahun yang lampau, dan peruntukan yang begitu ketat bagi mengawal penyelewengan dan penyalahgunaan oleh kerajaan-kerajaan negeri, saya ingin tahu apakah pihak kementerian sekarang sudah membuat kajian terperinci kesan daripada pindaan tersebut, terutamanya sejauh mana kepentingan tuan-tuan tanah yang diberi opsyen di bawah pindaan tersebut bagi membolehkan mereka turut serta dalam pembangunan tanah tersebut. Apakah response yang diberikan oleh tuan-tuan tanah.

Yang keduanya, apakah masalah-masalah yang dihadapi, adakah ini melambatkan proses pembangunan tanah, kerana prosedur yang dibuat itu mesti melalui UPEN dan sebagainya, UPEN kaji balik dan membuat cadangan, ini akan menimbulkan memakan masa yang lama. Adakah ini membantut proses pembangunan?

**Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 ini telah diwartakan melalui Akta A999 pada 31.7.1997. Akan tetapi ianya belum dapat dilaksanakan oleh kerana pengambilan tanah belum diluluskan oleh Kabinet dan juga Majlis Tanah Negara. Jadi, menjawab soalan sama ada kajian telah dibuat untuk menjaga kepentingan tuan-tuan punya tanah ini, saya sudah sebutkan tadi, dengan adanya Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1997 ini kerajaan merasakan bahawa kepentingan tuan tanah sudah cukup terpelihara. Selain daripada ada mensyaratkan tadi supaya beberapa proses dan prosedur dilalui oleh pemaju-pemaju dan juga rundingan serta persetujuan di antara pemaju dengan tuan-tuan punya tanah, saya rasa walaupun proses dan prosedur ini mengambil tempoh masa

yang agak lama, tetapi itu dilakukan demi untuk kepentingan tuan-tuan punya tanah dan prosedur yang sama juga ada di dalam runding cara-runding cara hal-hal lain bukan sahaja yang bersangkutan dengan tanah sahaja.

Selain daripada itu, di dalam akta ini juga ada diperuntukkan tentang nilai tanah di mana nilai tanah yang diberi oleh pemaju kepada tuan-tuan punya tanah adalah mengikut prosedur-prosedur yang memastikan bahawa tuan punya tanah sepatutnya mendapat kepuasan ataupun puas hati dengan harga atau bayaran yang ditawarkan. Kerana ada diperuntukkan sekiranya tuan-tuan tanah ini tidak bersetuju dengan tawaran yang diberi maka ada beberapa proses lagi yang boleh diambil oleh tuan tanah kepada pihak-pihak yang berkuasa termasuk juga boleh dibawa ke mahkamah untuk menuntut nilai tanah seperti yang mereka mahukan. Jadi, kementerian berpendapat bahawa dengan adanya prosedur-prosedur ini kepentingan tuan tanah adalah terpelihara.

#### ANGKA PELABURAN DI PULAU PINANG - 1995, 1996, 1997

5. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan angka-angka pelaburan asing dan tempatan di Pulau Pinang untuk tempoh 1995, 1996 dan 1997. Berapa buah syarikat MNC yang telah ditutup di Pulau Pinang untuk 1996 dan 1997 dan sebab-sebab penutupan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1995/1996 dan jangka masa Januari hingga Ogos 1997 jumlah pelaburan asing dan tempatan yang diluluskan oleh MITI bagi Pulau Pinang ialah seperti berikut:

Tahun	Pelaburan Asing	Pelaburan Tempatan
1995	RM640.6 juta	RM 966 juta
1996	RM2,092 juta	RM1,093.4 juta
1997 (Jan-Ogos)	RM227.6 juta	RM 830.1 juta

Bagi tahun 1996 sebanyak enam buah syarikat yang dimiliki oleh kepentingan asing telah menutup operasi mereka di Pulau Pinang. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 1997 pula sebanyak lima lagi syarikat telah menutup operasi mereka. Sebab-sebab utama syarikat milik asing ini menutup kilang-kilang mereka ialah:

- (i) masalah mendapatkan pekerja dan peningkatan kos buruh di Malaysia;
- (ii) kilang berpindah ke tempat lain di Malaysia dan di luar negara;
- (iii) penyusunan semula syarikat-syarikat di bawah kumpulannya di seluruh dunia;
- (iv) syarikat diambil alih oleh syarikat tempatan; dan
- (v) kilang musnah akibat kebakaran.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa dahulu kerajaan mempelawakan pelabur asing melabur di dalam negara kita kerana hendak memperuntukkan pekerja-pekerja kepada rakyat Malaysia dan di samping itu membangunkan ekonomi negara kita. Pada masa sekarang orang-orang tempatan telah makin kurang bekerja dalam kilang dan kebanyakan pekerja-pekerja dalam kilang adalah orang asing. Apa faedah dan manfaat negara kita boleh memperolehi dari pekilang-pekilang khasnya pekilang asing memandangkan pekerja-pekerja asing menghantarkan gaji mereka kepada negara asal mereka dan juga pelabur-pelabur ini diberi tax free, bebas dari cukai mungkin selama lima tahun lamanya.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan kebanyakan kilang-kilang di Malaysia mempunyai pekerja-pekerja asing. Saya rasa ini satu tanggapan yang tidak benar. Kebanyakan kilang di Malaysia ini mempunyai pekerja-pekerja yang datang daripada penduduk tempatan. Kalau ia mempunyai pekerja asing, sebahagian daripada pekerja yang diperlukan adalah daripada pekerja-pekerja asing. Maksudnya, dalam sesebuah kilang secara majoritinya pekerja tempatan, ada juga pekerja asing. Oleh kerana dengan adanya expansion plan, dengan izin, dan sebagainya, maka kita terpaksa mengambil pekerja asing. Tetapi dari segi ekonomiknya kita dapat mengeluarkan barang. Sekiranya komponen pengeluaran barangan itu datang daripada negara kita, walaupun kita menggunakan pekerja asing, kita dapat tukaran wang asing daripada barangan yang dieksport. Jadi, ini akan menguntungkan negara. Walaupun terdapat repatriation dari segi duit daripada pekerja asing kepada negara masing-masing, tetapi komponen yang dikeluarkan, barangan yang dikeluarkan akan masih lagi menguntungkan negara kita.

## PESAWAT LAMA TUDM-KEDUDUKAN KAJIAN PENGGUNAAN

**6. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kedudukan sekarang terhadap kajian penggunaan pesawat-pesawat udara TUDM yang telah lewat usianya seperti Nuri dan juga Caribou. Sekiranya kementerian bercadang menghentikan perkhidmatan pesawat-pesawat berkenaan seperti yang dilakukan terhadap Dart Herald, bagaimanakah kementerian akan melupuskan pesawat-pesawat lama itu.

**Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan didapati sebahagian daripada 31 helikopter Nuri dan kesemua 11 pesawat Caribou berusia melebihi 25 tahun. Sungguhpun begitu, pesawat ini masih mampu melaksanakan peranan. Oleh itu, pengguna helikopter Nuri dan pesawat Caribou untuk jangka masa akan datang akan diberhentikan kegunaannya secara berperingkat-peringkat. Pelupusan pesawat tersebut akan dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah nilai pesawat-pesawat lama tersebut dan adakah ada rancangan atau dalam kontrak pembelian pesawat-pesawat tersebut di mana penjual asal boleh menerima balik pesawat-pesawat lama ini dan memberikan sama ada trade off untuk pembelian kapal terbang baru ataupun bayaran wang tunai, dan apakah terma-terma yang terkandung dalam kontrak pembelian tersebut?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan nilai, saya tidak mempunyai angka berkenaan nilai pesawat-pesawat tersebut. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi perkara biasa jika kita membeli kembali daripada pembuat asal. Ia boleh dirundingkan tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak. Oleh itu, ianya adalah sesuatu yang dirundingkan kemudian. Kalau tidak, ianya akan dijual kepada negara lain atau kepada mereka yang berminat dengan harga yang akan dirundingkan kelak. Oleh itu, ia tidak menjadi satu perkara yang menimbulkan apa-apa masalah.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kedua-dua pesawat ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah melewati 25 tahun. Soalan saya ialah berapakah jangka hayat yang

dijamin oleh pengeluar dan adakah kemungkinan terdapat para juruterbang yang meninggalkan perkhidmatan kerana mereka bosan dengan pesawat lama ini?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Kepada Yang Berhormat dari Hulu Langat, atas soalan tambahan beliau, yang saya tahu berkenaan juruterbang tidak boleh bosan, kerana kalau dia tinggalkan ada tawaran yang lumayan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kalau kita mengambil kira jangka hayat kapal terbang yang ada sekarang, mengikut kemampuannya boleh bertugas selama 15 tahun lagi berasaskan kepada kebolehan kita untuk meningkatkan kerangka dan avionik yang dilakukan mengikut perkembangan teknologi terkini.

#### ALAM FLORA - PENILAIAN PRESTASI

7. **Tuan Foo Ah Kiow [Mentakab]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) penilaian prestasi perkhidmatan Alam Flora, syarikat penswastaan yang telah menjalankan kerja pemungutan dan pelupusan sampah selama hampir setahun di Kuala Lumpur; dan
- (b) apabila Syarikat Alam Flora mula kenakan caj pemungutan sampah, adakah cukai am tahunan akan dikurangkan. Jika tidak, apa rasionalnya.

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. mula mengambil alih pengurusan sisa-sisa pepejal di Kuala Lumpur pada 1 Januari 1997. Kemudiannya diikuti dengan penyerahan tugas serta tanggungjawab bagi kerja-kerja pembersihan dan jalan longkang di pasar-pasar tapak penjaja pada 1 Ogos 1997. Setakat ini prestasi kerja Pengurus Pungutan dan Pelupusan Sampah Syarikat Alam Flora masih boleh dibaiki lagi. Walau bagaimanapun, jumlah aduan yang diterima telah berkurangan.
- (b) Pada masa ini kerajaan belum membuat dasar mengenai cara mana Syarikat Alam Flora boleh mendapatkan sumber kewangannya, iaitu sama ada secara pungutan terus daripada pemilik bangunan atau bayaran dibuat oleh pihak berkuasa tempatan kepada syarikat yang berkenaan.

**Tuan Foo Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan peruntukan-peruntukan utama mengenai dengan kemudahan-kemudahan yang akan dibina oleh syarikat konsesi, caj yang akan dikenakan dalam kontrak konsesi kepada keempat-empat konsortium yang akan dijalankan kerja penswastaan pemungutan dan pelupusan sampah, dan sama ada satu akta khas akan dibentangkan dalam Parlimen ini seperti perkhidmatan IWK?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Sebenarnya konsortium yang mula sekali di Kuala Lumpur ialah Syarikat Alam Flora. Seperti yang saya katakan cara untuk pungutan ataupun cara untuk caj belum ditetapkan. Sama ada ala IWK ataupun secara sekarang yang dijalankan terus di mana Dewan Bandaraya membayar terus kepada Alam Flora ataupun Alam Flora buat kutipan, kita belum buat apa-apa keputusan. Kalau keputusan telah dibuat sudah tentulah langkah-langkah lain adalah consequential sahaja, dengan izin, daripada apa yang ditetapkan oleh kerajaan.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap diberitahu tentang perbandingan dengan perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah yang dilaksanakan oleh kakitangan Dewan Bandaraya dahulu dengan apa yang dilaksanakan oleh Syarikat Alam Flora, mana yang lebih baik, dan huraikan sistem pelupusan sampah yang dilaksanakan oleh Alam Flora pada masa sekarang?

**Datuk Dr. Ibrahim bin Saad:** Macam soalan periksa. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bandingkan pada ketika ini Alam Flora baru sahaja mengambil alih tanggungjawab Dewan Bandaraya. Jadi, terlalu cepat untuk dibandingkan. Tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Alam Flora mengambil alih kesemua yang mana yang bekerja dengan Dewan Bandaraya; kereta Dewan Bandaraya, tempat angkut sampah Dewan Bandaraya. Semua pekerja dimasukkan kepada Alam Flora, dia transfer "lock stock and barrel." Selepas ini kita boleh bandingkan.

Kalau hendak beritahu cara kutip sampah panjang rasanya. Misalnya, rumah kedai tiap-tiap hari, rumah kediaman tiga kali sehari, perkhidmatan pusat tong setiap hari, panjanglah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang ya. Tidak payah beritahulah. *[Ketawa]*

## USAHAWAN BUMIPUTERA - BADAN UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN

**8. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang membentuk sebuah badan pemantauan (monitoring body) yang baru dalam usaha mengawal selia kepentingan usahawan-usahawan bumiputera; dan
- (b) jika badan ini ditubuh, adakah kerajaan kerajaan akan menggunakan badan ini untuk memastikan kepentingan bumiputera dalam projek-projek yang diswastakan itu terutama sekali dalam bidang-bidang perundingan binaan, pembekalan dan perkhidmatan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Usahawan bersama-sama dengan kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan lain melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan bertujuan untuk melahirkan dan membangunkan lebih ramai usahawan bumiputera dalam pelbagai sektor yang berkembang dan berpotensi. Kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan sebuah badan yang baru untuk tujuan pemantauan program-program tersebut oleh kerana kementerian ini telah pun mewujudkan tiga jentera, iaitu Majlis Pembangunan Usahawan dan keduanya Jawatankuasa Perhubungan Pembangunan Usahawan Persekutuan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri serta ketiganya Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Usahawan di peringkat pegawai yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Melalui ketiga-tiga jentera ini pelaksanaan program-program pembangunan usahawan insya-Allah, akan dapat diselaraskan dan pemantauan dapat dibuat dari masa ke semasa.
- (b) Kepentingan bumiputera dipelihara dan terjamin di mana terma-terma dan syarat-syarat dalam perjanjian konsesi memperuntukkan perkara-perkara mengenai pegangan ekuiti tidak boleh bertukar dalam tempoh tiga tahun selepas diswastakan. Untuk tujuan penyenaian

di Bursa Saham Kuala Lumpur, kelulusan daripada Unit Perancangan Ekonomi diperlukan terlebih dahulu. Selepas tempoh tiga tahun tersebut sebarang tukaran, pegangan ekuiti mesti mendapat kelulusan kerajaan. Di samping itu, perjanjian konsesi juga memperuntukkan sebanyak 70% daripada kerja-kerja kontrak diperuntukkan kepada bumiputera. Peruntukan tersebut adalah bertujuan untuk memastikan kepentingan bumiputera dalam projek-projek tersebut adalah terjamin.

Sebagai usaha untuk memantau atau mengesan pelaksanaan program-program pembangunan usahawan dengan lebih berkesan, kementerian ini telah mewujudkan sebuah pangkalan data yang diuruskan oleh Perbadanan Nasional Berhad. Pangkalan data ini akan mengumpul maklumat-maklumat daripada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta swasta berhubung dengan profile syarikat-syarikat bumiputera yang dibangunkan termasuklah bidang-bidang yang telah mereka terokai.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang masalah usahawan-usahawan kecil dengan kenaikan Dolar Amerika ini. Saya beri contoh, kita mendengar keluhan pengusaha-pengusaha kecil terutamanya yang mendapat kontrak-kontrak kecil membekal barang-barang kepada Kementerian Kewangan, kadang-kadang barang-barang ini diimport daripada luar negara yang dibeli dengan currency Amerika. Tetapi harganya di masa dahulu berasaskan nilai yang lama. Saya difahamkan ada yang sekarang ini sanggup tidak membekalkannya dan rela kontrak itu ditamat dan disenaraihitamkan. Adakah kementerian sedar tentang perkara ini sama ada masalah ini besar, dan jika merupakan masalah yang kita anggap munasabah, apakah kementerian bercadang untuk membantu mereka terutama yang kecil-kecil?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Sememangnya laporan-laporan dan keadaan-keadaan yang telah dialami oleh usahawan-usahawan kecil ini menjadi perhatian kementerian. Sebab itulah pada hari Isnin ini satu mesyuarat akan diadakan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri untuk memastikan kesan ekonomi ini tidak akan memburukkan lagi keadaan usahawan-usahawan kecil itu. Insya-Allah, perkara ini akan dimantau dari masa ke semasa supaya mereka tidak akan merasa beban yang berat daripada keadaan ekonomi sekarang.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita menerima hakikat yang kementerian sudah mempunyai satu mekanisme dan tidak akan menubuhkan badan yang mana disebut dalam soal ini. Tetapi sama ada kementerian sedar apabila Projek Hidro Bakun diswastakan, 3,500 syarikat tempatan dan bumiputera telah didaftar di bawah kontrak itu dan tiap-tiap satu syarikat membayar RM2,500 untuk mendaftarkan diri selepas diberi qualified. Selepas itu oleh kerana keadaan sedemikian, mungkin tidak dengar cerita lagi, tetapi apa yang jelas semasa Projek Bakun masih dijalankan ternyata apabila mengenai kontrak tiada satu syarikat as far as I know, dengan izin, yang saya tahu dipanggil untuk memberi sebut harga ataupun dijemput untuk menyebut harga ataupun termasuk dalam tender tetapi pekerjaan telah banyak dibuat. Jadi, soalnya syarikat bumiputera dan local ini, expectation mereka akan dijemput untuk bertender, tetapi bila habis nanti syarikat itu sendiri menjemput orang ataupun memilih orang yang sepatutnya diberi kontrak dan tidak diberi kontrak. Jadi, dalam keadaan sedemikian macam mana sama ada mekanisme kerajaan boleh mengatasi soalan-soalan ini kalau monitoring dibuat?

**Tuan Idris bin Jusoh:** Perkara ini merupakan perkara yang baru saya dengar di kementerian, tetapi insya-Allah, kita akan meneliti perkara ini supaya semua usahawan-usahawan bumiputera tidak akan dianiayai di dalam pembatalan projek ini.

#### **KERETA 'UNROAD WORTHY' BANYAK DI JALAN RAYA - LANGKAH MENGHALANG**

**9. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak kereta yang diisytiharkan sebagai 'unroad worthy' selepas kemalangan oleh pihak insurans masih dijumpai di jalan raya (on the road) dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk menghalang ia berlaku dan sama ada kerajaan bercadang untuk menggubalnya (legislate on it), sekiranya tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tidak sedar adanya kenderaan yang terlibat dengan kemalangan dan telah diisytiharkan sebagai tidak boleh digunakan lagi atau total loss, dengan izin, masih digunakan semula di jalan raya. Mengikut kaedah 13(1), Kaedah Kenderaan Motor, Pendaftaran dan Pelesenan 1959, "pemilik berdaftar kenderaan yang

diisytiharkan sebagai total loss adalah bertanggungjawab melapor serta menyerahkan kad pendaftaran kenderaan terbabit ke Pejabat JPJ dalam tempoh tujuh hari dari tarikh pengisytiharan untuk dibatalkan pendaftarannya. Mana-mana pemilik berdaftar yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 119, Akta Pengangkutan Jalan 1987, iaitu denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi tiga bulan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hairan kerajaan tidak tahu bahawa banyak kenderaan yang total loss berada atas jalan raya. Jadi, ini adalah sebab kerana kerajaan pun tidak tahu bahawa banyak kemalangan terjadi kerana bukan kecuaiannya sahaja, tetapi kenderaan-kenderaan seperti ini yang ada atas jalan raya. Soalan saya ialah adakah kerajaan akan mengkaji dan mengambil tindakan dalam arena ini, kerana saya sendiri tahu bahawa kenderaan yang telah dalam keadaan total loss, beberapa bulan selepas itu terdapat di atas jalan raya. Ini menghairankan saya kerana pihak yang berkenaan pun tahu mengenai hal ini dan pihak insurans...

**Seorang Ahli:** Apa soalan ini?

**Tuan M. Kulasegaran:** Soalan saya sudah ditanya.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Baru sampai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila teruskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Jadi, adakah tindakan akan diambil dalam perkara ini?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat dari Teluk Intan hairan kerana beliau pun baru jadi Wakil Rakyat. [Ketawa] Jadi, dia memang tidak faham banyak perkara yang berlaku dalam kerajaan khususnya di bidang pengangkutan. Kita tidak ada rekod dan tidak ada pun laporan yang kita sedar. Kerana itu tidaklah ada perkara ini berlaku ataupun perlu diambil tindakan. Jika Yang Berhormat ada laporan banyak kereta yang telah total loss masih lagi berada di jalan raya, silalah laporkan kepada JPJ. Saya bimbang kalau ada pun mungkin Yang Berhormat punya kut. [Ketawa]

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, bila berlaku kemalangan jalan raya, kenderaan yang terlibat seterusnya dilindungi oleh insurans dan penilaian dibuat oleh pihak adjuster, dan rungutan

daripada pengguna kadang-kadang penilaian yang dibuat itu tidak setimpal dengan kerosakan yang dialami oleh pihak yang berkenaan, dan kadang-kadang didapati terlalu lambat. Jadi, dalam hal ini, saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri pihak manakah yang bertanggungjawab untuk membuat pengauditan terhadap penilaian yang dibuat oleh pihak adjuster. Adakah pihak PIAM sendiri ataupun mana-mana badan bebas untuk membuat pengauditan tentang penilaian ini?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelewatan ini kadang-kadang oleh kerana kes ini dirujuk kepada polis dan juga kepada mahkamah, kerana itulah banyak memakan masa. Bagaimanapun, kita telah meminta supaya kes-kes kemalangan yang melibatkan gantian dipercepatkan. Biasanya harga ini juga ditentukan oleh adjuster dan persatuan insurans adalah menentukan semula sama ada kajian-kajian mereka ini mengikut aspek yang telah ditetapkan ataupun tidak.

#### PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI - JUMLAH

**10. Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pelajar Malaysia yang sedang menuntut di luar negara dan nyatakan bilangan di setiap negara berkenaan;
- (b) adakah kerajaan masih lagi menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang kedoktoran di negara-negara Timur Tengah jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan,

- (a) Bilangan pelajar yang sedang menuntut di luar negara adalah seramai 15,016 orang. Jumlah ini tidak termasuk pelajar-pelajar persendirian. Bilangan pecahan mengikut negara adalah seperti berikut:

Negara tempat menuntut	Bilangan Pelajar
United Kingdom	8,500 pelajar
Australia	1,100 pelajar
Amerika Syarikat	2,000 pelajar
Kanada	245 pelajar
Indonesia	600 pelajar
Egypt (Mesir)	1,500 pelajar
New Zealand	271 pelajar

Suka saya jelaskan juga bahawa jumlah angka-angka yang saya katakan itu adalah di negara-negara yang terdapat Jabatan Penuntut Malaysia sahaja.

- (b) Walaupun penghantaran pelajar di luar negara dikurangkan, kerajaan masih menghantar pelajar dalam bidang-bidang kritikal. Ini termasuklah bidang perubatan yang ditawarkan di negara-negara Timur Tengah.

**Tuan Hamzah bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar apabila nilai Ringgit kita jatuh ramai pelajar Malaysia di luar negara menghadapi masalah kewangan, terutama mereka yang tidak mendapat biasiswa terpaksa kembali ke tanah air kerana tidak mampu meneruskan pelajaran mereka. Soalan saya ialah apakah tindakan kerajaan dalam menangani masalah ini?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tentang kesan-kesan yang diterima oleh pelajar-pelajar kita dan kita sedang menyelidik perkara ini.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Sri Gading, saya ingin tahu sama ada satu kajian telah dibuat mengapa begitu ramai pelajar Malaysia melanjutkan pendidikan tinggi mereka di luar negara, dan segala persiapan yang akan dibuat oleh kerajaan akan memenuhi keperluan pada tahun depan dan tahun-tahun akan datang.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya menggulung, saya sudah banyak sebut perkara ini, saya ingat tidak payah sebut lagi.

#### SIJIL KELAHIRAN - SYARAT PENDAFTARAN

**11. Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah prosedur dan syarat-syarat yang membolehkan seseorang mendaftar dan mendapatkan sijil kelahiran. Adakah seseorang bayi yang dilahirkan di kampung/pedalaman dengan berbidankan bidang kampung dan disahkan oleh ketua kaum/penghulu tanpa surat pengesahan dari hospital/klinik boleh didaftar dan diberikan sijil lahir.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang diperlukan bagi

mendaftarkan kanak-kanak yang dilahirkan di negara ini ialah:

- (a) kelahiran tersebut hendaklah didaftarkan oleh pendaftar bagi kawasan pendaftaran di mana kanak-kanak itu lahir;
- (b) kelahiran tersebut hendaklah dilaporkan oleh orang yang berkelayakan seperti bapa, ibu, orang-orang yang mengetahui kelahiran itu dan orang-orang yang menjaga kanak-kanak tersebut;
- (c) laporan tersebut dibuat melalui borang pemaklum yang disediakan oleh jabatan dan ditandatangani oleh bidan atau pegawai Perubatan dan laporan tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari. Bayi yang dilahirkan di kawasan pedalaman dengan bidan kampung dan disahkan oleh ketua kaum atau penghulu wajib didaftarkan dan layak untuk dikeluarkan sijil kelahiran.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai sijil kelahiran ini saya pernah menerima aduan daripada ibu bapa yang membawa anak mereka untuk memohon kad pengenalan apabila sampai umur 12 tahun. Pegawai JPN menolak permohonan mereka dengan sebab kulit anak itu tidak sama dengan ibu bapa. Jadi, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau ikut dasar kerajaan ataupun kementerian sama ada kita ikut sijil kelahiran itu ataupun pegawai JPN itu menentukan sama ada kulit seseorang itu tidak sama atau sebagainya? Jadi, saya ingin tahu dasar yang sebenarnya.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kedua ibu bapanya Cina tetapi anaknya kulit warna macam orang India, saya rasa ini menimbulkan syak wasangka. [Ketawa] Jadi, perlu disah, perlu dibuat pengesahan atau proof bahawa anak itu betul-betul anak mereka. [Ketawa]

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu ada ataupun tidak pihak kementerian menerima aduan mengenai dengan aktiviti menjual sijil kelahiran ini apabila seseorang ataupun sekumpulan anak-anak itu meninggal tetapi tidak dilaporkan kematian mereka kepada polis. Kalau ada, berapakah jumlahnya tahun ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kes pemalsuan sijil kelahiran, kad pengenalan dan pasport antarabangsa banyak berlaku. Tetapi berkenaan dengan jumlahnya saya minta notis.

## ISA - CADANGAN MENGHAPUSKAN

**12. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa memandangkan ancaman komunis sudah lama tamat di dalam negara kita ini, maka adakah pihak kerajaan bercadang menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi mengelakkan penyalahgunaan akta tersebut memangsakan terus-menerus pihak yang menjadi musuh politik kerajaan ataupun mana-mana pihak yang berpengaruh dan boleh mengurangkan kuasa dan pengaruh pihak kerajaan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini penting, soalan nombor 12 [Ketawa]

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 walaupun tidak terdapat lagi ancaman komunis di negara ini. Pengekalan akta ini adalah untuk menjamin keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat supaya tiada sebarang gangguan bagi negara ini mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengapakah Afrika Selatan, sebuah negara yang mempunyai ancaman dan masalah yang lebih banyak dan lebih menggugat keselamatan negara daripada Malaysia baik dalam bentuk perkauman, agama ataupun ancaman bersenjata boleh memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kedua-dua buah negara adalah negeri bekas jajahan Britain. Tetapi Malaysia yang tidak mempunyai masalah yang begitu runcing seperti Afrika Selatan masih mengekalkan akta ini yang mencabuli hak asasi manusia.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ancaman komunis kita juga mempunyai ancaman daripada ekstrimis perkauman dan juga agama. Kedua-dua ini boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat di negara kita ini sebagaimana yang kita lihat pada tahun 1969 dan juga pada tahun 1987. Jadi, kerajaan memikirkan bahawa selagi kita ada ancaman sama ada perpaduan di kalangan kaum ataupun perpecahan di kalangan penganut agama yang akhirnya boleh melibatkan keselamatan negara, maka kita memikirkan bahawa akta ini masih diperlukan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang penting. *[Ketawa]* Oleh sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kita tidak memansuhkan, saya ingin bertanya adakah tidak rancangan kementerian supaya mengetatkan lagi, kerana di akhir-akhir ini kita nampak pembangkang banyak telah menyalahgunakan demokrasi dan banyak telah membohong, memfitnah. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian ingin mengetatkan lagi supaya boleh tangkap puak-puak itu. *[Ketawa]*

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terpaksa menimbang kedua-dua perkara yang dibangkitkan. Ada yang minta dilonggarkan, ada yang minta dimansuhkan dan ada yang minta diperketatkan. Tetapi apa juga yang dibuat oleh kerajaan adalah untuk kepentingan keselamatan negara. Misalnya, apabila pihak polis mencadangkan supaya mereka yang terlibat dengan mengklon telefon, ditangkap di bawah undang-undang ISA kita menolak. Tetapi mereka yang terlibat dengan pemalsuan wang Ringgit dan juga dengan kad pengenalan dan paspot memang kita letakkan di bawah ISA. Bermakna ISA digunakan untuk keselamatan negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria.

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Ane-ane, cukup ane!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa point of order itu?

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Speaker, order 37. Memandangkan Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah satu isu yang menimbulkan hak asasi manusia dan telah dibincangkan di seluruh dunia dan juga di Malaysia, saya pohon agar budibicara Tuan Speaker membenarkan saya menanya soalan yang ketiga. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukan point of order, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Lain tahunlah!

**Seorang Ahli:** Malu!

**Seorang Ahli:** Ala freshie, bukan tak tahu! *[Ketawa]*

## TENTERA - JUMLAH YANG BERSARA DAN PENGAMBILAN BARU 1996

**13. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah]** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapa ramai tentera negara ini yang bersara pada tahun 1996. Berapa ramai pengambilan ahli baru (rekrut) tahun 1996 hingga sekarang; dan
- (b) dari seramai anggota tentera yang bersara sebahagian besar mereka mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu, adakah kerajaan memanggil semula pesara tersebut untuk mempergunakan kepakaran mereka, kalau ya, berapa ramai dan dalam bidang apa, kalau tidak amatlah wajar diberi perhatian kerana mereka yang bersara masih lingkungan umur empat puluhan.

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat bagi soalan,

- (a) Pada tahun 1996 seramai 5,746 anggota ATM telah bersara, manakala jumlah pengambilan tahun 1996 hingga sekarang adalah seramai 8,309 anggota.
- (b) Kementerian Pertahanan sememangnya sedar bahawa anggota tentera yang telah bersara mempunyai pelbagai kepakaran. Namun begitu, kepakaran tersebut masih terdapat di kalangan anggota tentera yang sedang berkhidmat. Oleh itu, setakat ini Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk memanggil semula pesara tersebut bagi mempergunakan kepakaran mereka.

Sungguhpun Kementerian Pertahanan tidak lagi memerlukan khidmat kepakaran mereka, kerajaan tidak menganggap persaraan anggota tentera tersebut sebagai satu kerugian, malahan mereka sebenarnya adalah aset kepada negara. Ini adalah kerana sebahagian besar daripada mereka bergiat cergas dalam dunia perniagaan sejak akhir-akhir ini, dan penglibatan mereka ini secara tidak langsung memperkukuhkan lagi ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, sekiranya pengisytiharan dibuat bagi meletakkan negara dalam keadaan berjaga-jaga dan memerlukan khidmat anggota simpanan kerajaan, melalui peruntukan seksyen 190(2) Undang-undang Angkatan Tentera Malaysia, berhak mengerah semula pesara-pesara tentera ini ke dalam pasukan simpanan dan berkhidmat bagi satu tempoh yang ditetapkan kemudian.

**Tuan Zainal Abidin bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana usia pesara ini masih muda dan mempunyai pengalaman ketenteraan, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kerajaan bercadang untuk menyerap pesara ini ke dalam Pasukan Wataniah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamat ini?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, Askar Wataniah ialah sebagai askar sukarela dan mereka ini diserapkan dalam pasukan simpanan kita untuk kegunaan negara.

**Tuan Mohamed Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pengambilan baru kita sedar bahawa dalam Angkatan Tentera sekarang dari segi peralatannya ia begitu canggih, sophisticated dan juga berteknologi tinggi. Jadi, adakah Kementerian Pertahanan menetapkan jumlah rekrut yang baru yang mempunyai latar belakang teknikal yang tinggi supaya dapat mengendalikan peralatan itu, dan berapa peratuskah yang dapat dipenuhi dan kegagalan memenuhi keperluan tersebut adakah menjejaskan Angkatan Tentera?

**Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan kita dapat mengikut perkembangan teknologi terkini, kebanyakan kursus latihan dikembarkan dengan universiti dan mempunyai taraf diploma. Oleh itu, mereka dipertingkatkan dari segi kemampuan mereka untuk mengikut perkembangan terbaru dan kita juga telah menubuhkan ATMA dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia di mana kita menawarkan program peringkat ijazah di bidang Kejuruteraan dan Sains kepada Pegawai Kadet Siswa. Di akhir program itu mereka yang berjaya akan ditauliahkan sebagai pegawai bertauliah tetap di ATM.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng.

*[Soalan No. 14 - Y.B. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang) tidak hadir]*

#### KEMUDAHAN SUKAN DI LUAR BANDAR - LAPORAN KAJIAN

**15. Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kementerian sedar kemudahan sukan dan rekreasi seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar masih kurang dan tidak sempurna. Sehubungan itu, apakah jawatankuasa petugas mengumpul dan mengkaji maklumat kemudahan sukan dan rekreasi

seluruh negara sudah menyiapkan laporannya. Jika sudah, apakah cadangan yang dikemukakan dan tindakan pihak kementerian dalam menangani masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar dan atas kesedaran inilah maka kementerian telah pun selesai menjalankan satu exercise kajian kemudahan sukan dan rekreasi di seluruh negara hingga ke peringkat kampung. Maklumat tersebut telah di'computerise'kan, dan berdasarkan laporan kemudahan tersebut rancangan sedang dibuat untuk mewujudkan satu, dengan izin, golden plan for sport, sepertimana yang telah dilaksanakan di negara Jerman misalnya, iaitu ke arah menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi yang mencukupi mengikut bilangan serta keperluan rakyat berdasarkan ratio yang tertentu.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah mengambil langkah yang begitu drastik untuk mengatasi masalah-masalah prasarana kesukanan di kawasan luar bandar. Persoalannya, saya ingin tahu berapakah jumlah agak-agaknya peruntukan yang diperlukan untuk pelaksanaannya dan bila ianya akan dapat disempurnakan. Sebab di kampung saya begitu daif kemudahan sukan ini, kalau boleh tahun ini juga dapat dibelanjakan sebahagian daripada kajian yang telah Yang Berhormat Dato' jalankan.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Parlimen saya tidak berani hendak agak-agak. Jadi, saya minta notis, insya-Allah, saya akan berikan butiran yang diperlukan. Tetapi saya ingin menyatakan di sini bahawa insya-Allah, Ahli Yang Berhormat dari Jelevu kita tidak lupalah kawasan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** 'Point of order!'

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak habis-habis hendak kacau.

**Tuan M. Kulasegaran:** Orang baru, beri peluang sedikit. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan itu?

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Speaker, saya hendak tanya mengenai golden plan for sports,

bilakah ia akan dilaksanakan di seluruh negara, dan adakah ia akan juga dilaksanakan di estet-estet dan apakah manfaat-manfaat yang tertentu yang akan dibawa dengan pelaksanaan plan ini?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengadakan program ini secepat mungkin, sudah semestinya termasuklah estet-estet. Saya rasa kita akan mengambil kira estet-estet di Teluk Intan kalau Ahli Yang Berhormat datang jumpa sayalah, saya dapat kemukakan kepada Menteri Belia dan Sukan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalan yang akhir itu saya tidak dengar sebab bising sangat Dewan pada hari ini. Jadi, apa-apa soalan Ahli Yang Berhormat tanya tadi saya akan susulkan secara bertulis.

#### RUMAH KOS RENDAH - PENCAPAIAN RANCANGAN KERAJAAN

16. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) pencapaian rancangan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana sejak tahun 1996; dan
- (b) tindakan yang diambil terhadap pemaju yang tidak membina unit rumah kos rendah yang mencukupi dalam projek perumahannya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian,

- (a) Bagi tahun 1996 sebanyak 75,635 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah telah disiapkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 25,954 unit iaitu 34.3% ialah rumah kos rendah, 11,711 unit atau 15.5% rumah kos sederhana rendah dan 37,970 unit iaitu 50.2% rumah kos sederhana. Bagi tahun 1997 pula, dianggarkan sebanyak 91,000 dapat disiapkan yang terdiri dari 32,000 unit rumah kos rendah, 11,000 unit rumah kos sederhana rendah dan 48,000 unit rumah kos sederhana.
- (b) Tindakan ke atas pemaju-pemaju yang tidak membina unit rumah kos rendah seperti yang disyaratkan boleh diambil tindakan di bawah Akta dan Peraturan Pembangunan Tanah. Tindakan demikian diambil oleh pihak berkuasa negeri, kerana Undang-undang Tanah adalah bidang kuasa mereka.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang

Berhormat Timbalan Menteri sama ada ada pegawai kerajaan tempatan khususnya mereka yang berkhidmat di bahagian perancang yang meluluskan pelan tatasusunan dikenakan tindakan tatatertib kerana tidak memastikan pemaju-pemaju menyediakan rumah-rumah kos rendah dalam pelan mereka dan mereka terus meluluskan apa-apa sahaja yang dicadangkan oleh pemaju.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah mengenai maklumat terperinci iaitu adakah pegawai kerajaan diambil tindakan tatatertib, saya tidak ada angka itu untuk Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak pegawai perancangan daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa hanya bertindak sebagai penasihat kepada Jawatankuasa Perancangan Negeri.

Oleh sebab itu, jikalau ada sesuatu keputusan yang dibuat, keputusan itu adalah satu keputusan kerajaan negeri iaitu Jawatankuasa Perancangan Negeri dan bukan sesuatu pegawai yang kita boleh asingkan dalam keputusan tersebut. Pihak kementerian saya tidak boleh ambil sesuatu tindakan atas seorang pegawai atau dua pegawai yang terlibat kerana perutusan itu adalah satu perutusan daripada Jawatankuasa Perancangan Negeri maka jawatankuasa itu adalah bertanggungjawab.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah mengadakan skim rancangan pembinaan perumahan kos rendah yang begitu baik, cuma masalahnya saya menerima banyak aduan-aduan yang menyatakan berhubung dengan proses pembahagian rumah kerana proses pembahagian rumah ini menyeluruh di seluruh negara walaupun separuhnya adalah di atas kerajaan negeri, jadi, proses pembahagian ini memakan masa yang begitu lama. Jadi, saya ingin tahu apakah rancangan kementerian untuk mengadakan pemantauan di seluruh negara yang berhubung dengan pembahagian rumah murah ini untuk mempercepatkan kerana kadang-kadang kita lihat rumah itu sudah hampir roboh, sudah teruk sangat baru hendak diberikan kepada orang. Jadi, patut kementerian mengadakan satu usaha yang sepatutnya berkesan di seluruh negara.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya akui ada masalah seperti proses pembahagian rumah kadangkala lambat sedikit. Dari keseluruhannya, cara sekarang ialah untuk melalui proses pendaftaran terbuka melalui

komputer dan prosesnya ialah pihak sipemohon itu perlu ditemujanji dahulu, diinterview, dengan izin maka proses interview ini adalah lambat sedikit sebab kita hendak tanya menjelaskan sama ada apa yang disebutkan dalam borang itu adakah benar atau tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini pihak Kerajaan Negeri Johor saya difahamkan telah menggunakan satu cara di mana pihak sipemohon itu hanya diminta bersumpah atas semua perkara yang diisi dalam borang itu dan kemudian berdasarkan persumpahan itu maka rumah itu diagihkan kepada sipemohon tanpa temujanji. Saya rasa itu adalah satu cara yang lebih cepat, pihak kementerian akan mengambil perhatian terhadap cara baru yang dilaksanakan oleh pihak negeri Johor. Kalau itu yang lebih sesuai, maka kita boleh gunakan cara ini di seluruh negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut tamat.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 14 dan 17 hingga 35 dijilid dalam buku berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan keatas "Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kelapan]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.26 dan B.27 [Jadual] -**

**Maksud P.26 dan P.27 [Anggaran Pembangunan 1998] -**

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan menyambung jawapan.

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena telah mencadangkan agar peminjam Tabung Pendidikan Tinggi Nasional tidak perlu membayar balik pinjaman sekiranya menjadi guru. Sehingga kini, kerajaan belum membuat sebarang keputusan untuk mengecualikan peminjam daripada membayar balik pinjaman termasuklah peminjam yang menjadi guru. Perkara-perkara yang telah diputuskan berkaitan dengan bayaran balik pinjaman ialah:-

- (i) tempoh bayaran balik lima belas tahun untuk pelajar aliran sains dan teknologi serta sepuluh tahun untuk pelajar aliran sastera; dan
- (ii) kutipan bayaran balik pinjaman dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Mersing agar diambil kira perbelanjaan untuk memasuki universiti dalam jumlah pinjaman yang diberikan, perlu dijelaskan bahawa kadar pinjaman yang ditetapkan bagi seseorang peminjam ialah RM5,000 setahun untuk pelajar IPTA dan IPTS bagi kos sara hidup dan ini belum termasuk yuran pengajian. Kadar ini telah mengambil kira keperluan asas pelajar daripada mula memasuki universiti hingga tamat pengajian.

Bagi pelajar IPTA, yuran pengajian dibayar sepenuhnya, maksimum RM1,500 setahun dan untuk pelajar IPTS yuran pengajian maksimum RM7,000 setahun. Bagi pelajar aliran sains dan teknologi sama ada pelajar IPTA dan IPTS diberi elaun buku sebanyak RM500 setahun. Ini bermakna pelajar IPTA akan mendapat pinjaman RM6,500 bagi aliran sastera dan RM7,000 bagi pelajaran sains dan teknologi.

Manakala bagi pelajar IPTS pula, pelajar akan mendapat pinjaman sebanyak RM12,000 setahun bagi pelajar sastera dan RM12,500 bagi pelajar sains dan teknologi. Kos pentadbiran akan dikenakan 4% setahun pada semua peminjam, bagaimanapun elaun buku sebanyak RM500 dikira sebagai pinjaman tanpa faedah.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan peranan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan MPTN ialah menentukan dasar pendidikan tinggi sama ada di peringkat IPTA dan IPTS. Begitu juga dari segi penyelarasan terhadap pembangunan pendidikan tinggi termasuk perjalanan IPT dan juga yang akan dibuat oleh MPTN. Sejak penubuhannya mesyuarat MPTN telah diadakan sebanyak empat kali.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman telah mendakwa bahawa guru di kawasan pedalaman yang memohon pertukaran tidak diluluskan walaupun permohonan telah diluluskan berkali-kali. Kementerian memang sedar guru yang bertugas di kawasan pedalaman menghadapi masalah. Namun demikian, murid-murid di kawasan tersebut memerlukan guru terlatih. Oleh itu, guru-guru perlu berkhidmat sekurang-kurangnya dua tahun supaya sekolah-sekolah tersebut mempunyai guru yang terlatih secukupnya.

Mengenai pengambilan semula guru bahasa Cina, bahasa Inggeris dan sains yang memakan masa hampir dua tahun seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, suka saya jelaskan bahawa pengambilan semula guru-guru bersara wajib secara kontrak dibuat melalui dua cara iaitu:

- (i) perakuan oleh pengetua ataupun guru besar; dan
- (ii) permohonan oleh guru yang bersara wajib.

Perlu dijelaskan juga bagi ketiga-tiga bidang tersebut tempoh masa yang diambil untuk tujuan lantikan kontrak ialah antara dua hingga enam bulan selepas guru itu bersara wajib.

Ahli Yang Berhormat dari Jelevu menimbulkan isu kadar bayaran pemeriksa kertas UPSR tidak setimpal dengan tenaga mereka yang bertungkus lumus memeriksa kertas dalam waktu yang terhad. Kadar bayaran pemeriksa untuk kertas UPSR ialah 0.75 sen setiap skrip. Setiap pemeriksa diperuntukkan sekurang-kurangnya 200 skrip dan dikehendaki memeriksa dalam tempoh empat hari. Selain kemudahan tempat tinggal di hotel, mereka diberi elaun perjalanan mengikut kelayakan. Adalah tidak benar mereka yang menerima bayaran sebanyak RM40 sebagai didakwa. Sayugia diingatkan kaedah pemeriksaan setempat yang dijalankan di hotel adalah untuk mempercepatkan proses pemeriksaan kerana jadual peperiksaan pada tahun ini telah ditetapkan hampir kecuti penggal akhir tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menimbulkan soal pemindahan tiga buah sekolah di Bandar Hilir dan tiga buah sekolah di Jalan Gajang Berang, Melaka. Memang Kerajaan Negeri Melaka ada mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan empat buah sekolah, bukan enam seperti yang dikatakan untuk dipindahkan ke tapak lain yang lebih sesuai. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah St. Francis, Sekolah Kebangsaan St. Francis, Sekolah Kebangsaan Bandar Hilir dan Sekolah Kebangsaan Secret Heart. Tempat yang ada sangat sesak dan setiap masa mengalami kesesakan lalu lintas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan belum membuat keputusan terhadap cadangan tersebut.

Mengenai isu aduan seorang penderma untuk pembinaan dewan di SRJK(C) Koon Hwa di Nyalas, Melaka, dewan sekolah tersebut telah dirasmikan pada 10 Disember 1955. Dewan tersebut dinamakan dengan nama Dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Koon Hwa berdasarkan keputusan lembaga pengurus sekolah tersebut dan juga persetujuan masyarakat tempatan.

Berhubung kes pembinaan SRJK(C) Chong Hwa di Asahan, Johor, ingin dijelaskan bahawa akaun sekolah tersebut belum ditutup kerana masih ada penduduk yang berjanji untuk menderma tetapi masih belum berbuat demikian.

Berhubung sekolah-sekolah yang ditutup sejak tahun 1990 sebanyak 3 buah sekolah kebangsaan, 11 buah sekolah rendah SRK, 9 buah SRJK(C), 15 buah SRJK(T) dan 31 buah sekolah rendah kerajaan di Sarawak telah ditutup. Sekolah-sekolah tersebut ditutup adalah disebabkan:-

- (i) sekolah tersebut bercantum dengan sekolah lain;
- (ii) sekolah yang kekurangan murid, murid-murid ini dipindahkan sekolah yang berhampiran dan bangunan sekolah digantikan ditempat yang lain; dan
- (iii) penutupan ladang.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu telah membangkitkan peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu. Memanglah menjadi hasrat kerajaan supaya bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi digunakan secara meluas. Dalam hal ini kerajaan sentiasa menggalakkan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya terutama dalam acara-acara rasmi dalam sektor awam mahupun swasta. Akta Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipinda pada tahun 1995 bagi memperluaskan peranan DBP.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang dianggotai oleh pelbagai pihak dan sektor awam dan swasta untuk meningkatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam semua sektor. Namun demikian, perlu diingat bahawa tanggungjawab bagi meningkat penggunaan Bahasa Kebangsaan adalah tanggungjawab setiap warga Malaysia. Kejayaannya bergantung kepada usaha dan sokongan semua pihak termasuk para pemimpin dan tokoh-tokoh korporat.

Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman telah membangkitkan isu pembelajaran bahasa Iban di sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan buku teks bahasa Iban sekarang ini hanya untuk tingkatan satu, dua dan tiga untuk Peperiksaan PMR sebagai mata pelajaran elektif. Di peringkat sekolah rendah, guru-guru menggunakan bahan yang disediakan oleh guru sendiri.

Walaupun begitu, sekiranya ada keperluan terhadap buku teks bahasa Iban di tahun tiga hingga tahun enam sekolah rendah, maka buku-buku tersebut boleh diterbitkan. Mengenai kursus bahasa Iban di maktab perguruan, keperluan untuk menyediakan kursus tersebut sedang dalam penelitian Bahagian Pendidikan Guru di Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Sungai Petani telah membangkitkan isu pembinaan sekolah di kawasan perumahan oleh pihak pemaju. Perlu dijelaskan bahawa Kementerian Pendidikan sudah pun mengadakan sesi mesyuarat khususnya melalui Mesyuarat EXCO-EXCO Pendidikan dengan Yang

Berhormat Menteri Pendidikan yang meminta kerajaan-kerajaan negeri mensyaratkan agar pemaju-pemaju perumahan menyediakan tapak di kawasan perumahan dan seterusnya membina sekolah. Untuk mempercepatkan pembinaan sekolah, kaedah pembinaan secara, dengan izin, design and built, telah dilaksanakan di kawasan perumahan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan garis panduan bahawa setiap 1,250 unit rumah, pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas enam ekar bagi pembinaan sekolah rendah dan bagi perumahan baru yang mempunyai 2,500 unit rumah pula, pihak pemaju dikehendaki menyediakan dan menyerahkan tapak kepada pihak berkuasa bagi pembinaan sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pendidikan dan perkara yang tidak sempat saya jelaskan akan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terus memberikan sokongan dalam memajukan bidang pendidikan di negara ini. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah duduk dah ya. Dia sudah duduk dah ya. [*Ketawa*]

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM9,883,828,200 untuk Maksud B.26 dan RM28,619,400 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM9,883,828,200 untuk Maksud B.26 dan RM28,619,400 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,575,135,000 untuk Maksud P.26 dan RM22,808,600 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,575,135,000 untuk Maksud P.26 dan RM22,808,600 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33 [Jadual] -**

**Maksud P.28, P.31 dan P.53 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi:** Kementerian Kewangan. Kepala Bekalan B.28 hingga B.33 dan Kepala Pembangunan P.28, P.31 dan P.53 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

3.45 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya sebut 010000 - Perkhidmatan Kewangan.

Tuan Pengerusi, pelabur-pelabur Malaysia, keyakinan pelabur serta ekonomi Malaysia merupakan tiga mangsa utama dalam helah korporat terbaru di mana UEM menggunakan pinjaman sebanyak RM2.4 bilion untuk membeli 32.6% saham syarikat induknya Renong melalui harga premium yang lebih tinggi dari harga pasaran. Dalam tempoh dua hari sahaja UEM telah kerugian RM968.82 juta melalui urusaniaga Renongnya kerana ia telah membeli 723 juta saham Renong pada harga purata 3.24 sen sesaham manakala, harga penutup untuk Renong semalam telah menjunam menjadi RM1.90 sesaham iaitu 58.6% dari harga belian purata yang dibayar oleh UEM.

Perkara ini sungguh tidak adil kerana pemegang saham minoriti UEM, tetapi apa yang paling tidak adil sekali adalah urusaniaga UEM Renong ini telah membawa negara kita ini ke satu lagi krisis keyakinan yang baharu mengheret pasaran saham di mana indeks komposisi BSKL jatuh 45.20 mata pada penutup hari Selasa dari 677.29 menjadi 622.09 hari semalam jatuh sehingga kurang dari tahap psikologi 600 mata iaitu 588.13 sebelum berakhir dengan kerugian 18.60 mata pada 603.49 mata. Pagi ini ia jatuh lagi sebanyak 41.16 mata membawa ke rekod paling rendah iaitu 562.33 mata.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan semalam di Parlimen golekkan terbaru ini telah menjadikan kejatuhan indeks komposisi BSKL ke bawah tahap 500 mata sesuatu yang bukan tidak mungkin. Sidang akhbar yang diadakan oleh Pengerusi Eksekutif

Renong Halim Saad hari semalam bukan sahaja gagal memulihkan keyakinan para pelabur, ia telah membawa kepada kesan negatif, di mana beliau bukan sahaja gagal menunjukkan sebarang sikap mematuhi prinsip ketelusan korporat, tetapi juga langsung tidak mengendahkan kepentingan para pemegang saham minoriti, sama ada pemegang saham UEM mahupun Renong, khasnya melalui kenyataannya bahawa berkemungkinan besar konglomerat Renong akan didelisting.

Dengan menyatakan bahawa wujudnya great possibility of turning Renong into a private company if Renong shares fall further, Halim Saad nampaknya telah menyerah diri kepada pasaran saham selepas bertanggungjawab menyebabkan kejatuhan terbaru dalam pasaran saham. Apa yang paling memeranjatkan sekali adalah pembongkaran oleh Halim Saad dalam sidang akhbar nya bahawa UEM telah mendapat waiver dari Jawatankuasa Pelaburan Asing untuk tidak perlu melakukan tawaran umum pada 5 November, 12 hari sebelum urusaniaga UEM-Renong diumumkan.

Apakah justifikasi untuk waiver ini? adakah UEM menggunakan tabung para pemegang saham untuk menyelamatkan Renong. Hakikatnya bahawa pihak berkuasa mengeluarkan waiver kepada UEM dari melakukan tawaran umum mandatori untuk membeli semua saham Renong telah menggoncangkan keyakinan para pelabur terhadap prinsip pengurusan korporat Malaysia.

Ini merupakan kali kedua waiver dikeluarkan secara tidak mengikut peraturan Malaysian Code on Take-Overs and Mergers oleh FIC yang telah menggoncangkan pasaran. Insiden sebelum ini melibatkan Malaysian Resources Corp (MRCB) yang mendapat sambutan buruk dalam bulan September selepas ia mengumumkan bahawa ia telah menerima waiver untuk tidak perlu membuat tawaran umum mandatori melalui harga RM15.20 untuk setiap saham New Straits Times Press dan RM5.20 untuk setiap saham TV3.

Soal ini lebih ketara lagi dalam skandal UEM-Renong. Apakah kepentingan negara yang terlibat yang membolehkan waiver dikeluarkan. Sebenarnya, dalam dua hari setengah sejak pengumuman mengenai urusaniaga UEM-Renong dilakukan pada pukul 8.00 malam hari Isnin lepas, ia telah dibuktikan sebagai malapetaka kebangsaan, satu national catastrophe, menyebabkan kejatuhan 105 mata di indeks komposit BSKL yang bererti kerugian sebanyak RM70 bilion wang para pelabur Malaysia serta memaksa ringgit Malaysia tersusut nilainya menjadi RM3.51 sen untuk sedolar Amerika.

Kita tidak boleh menyalah George Soros kali ini untuk kejatuhan pasaran tetapi mesti mengenalpasti Halim Saad, UEM, Renong serta si penguatkuasa iaitu Securities Commission dan FIC, sebagai mereka yang bertanggungjawab terhadap malapetaka kebangsaan terbaru ini. DAP menyeru supaya dibentuk satu dasar ketelusan korporat baru untuk memulihkan keyakinan para pelabur dengan FIC menjelaskan secara menyeluruh mengapa ia mengeluarkan waiver kepada UEM dan membolehkan tidak perlu menunaikan keperluan melakukan tawaran umum membeli semua saham Renong, khas sekali memandangkan UEM telah mengambil alih 32.6% dari saham Renong, iaitu sedikit kurang dari 33% yang ditetapkan untuk melakukan tawaran umum ini.

Tindak balas pasaran terhadap urusan ini adalah marah dan panik - marah kerana UEM yang kaya dengan tunai telah digunakan untuk melakukan apa yang boleh dihuraikan sebagai korporat bail-out badan kewangan UMNO utama dan pihak penguatkuasa pula membenarkan perkara ini berlaku dan dengan cara yang begitu pantas sekali. Hasil dari skandal UEM-Renong ini, ramai pengurus tabung telah hilang keyakinan terhadap pasran saham kita, kerana mana-mana syarikat yang kaya dengan tunai yang berhubungan rapat dengan kerajaan kini terus dianggap sebagai syarikat yang berisiko tinggi. Skandal UEM-Renong telah menukarkan definisi blue chips kerana para pelabur semuanya meragu-ragukan sama ada saham-saham blue chips yang lain seperti Telekom, Tenaga, Sime Darby dan Maybank akan mengikut jejak langkah UEM ini.

Tuan Pengerusi, kita tidak boleh terus menyalahkan atas apa yang berlaku ini kepada manipulator apabila ekonomi kita jatuh daripada satu nadir kepada satu nadir oleh kerana ini semua kelakuan kita pada tempoh ini. Sebagai contoh BSKL jatuh pada minggu akhir Ogos dan empat hari pertama September kepada 331 point daripada 905 point ialah oleh kerana keputusan kita atas designation of 100 stock. Pada masa ini Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Penasihat Ekonomi menasihatkan semua rakyat Malaysia beli dan ada orang yang mengikut nasihat itu beli di lebih kurang 750 point, sekarang sudah jatuh 560 point. Adakah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Penasihat Ekonomi akan bertanggungjawab kerugian berbilion-bilion ringgit pelabur-pelabur kecil yang menerima mengikut nasihat-nasihat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Economic Advisor. Sebenarnya sekarang kita lihat satu free

call lagi jatuh, apabila saya datang sudah jatuh lebih daripada 51 point hari ini sahaja dan inilah kejatuhan yang tertinggi dalam satu hari dalam tiga bulan krisis yang menunjukkan semalam kita ada usul keyakinan, hari ini kita ada the biggest fall in the stock exchange, tidak ada keyakinan dan ini menunjukkan bahawa sangat ironic di mana dunia tentu akan bertanya, rakyat Malaysia akan bertanya bagaimana Parlimen semalam boleh meluluskan satu usul keyakinan tetapi hari ini menunjuk negara tidak ada keyakinan kepada kerajaan khususnya satu kerajaan yang membenarkan satu UEM-Renong deal yang bertanggungjawab bukan sahaja mengadakan satu mala petaka kebangsaan, menjatuhkan indeks komposisi BSKL sebanyak 105 mata pagi sahaja menghilangkan wang pelabur sebanyak RM70 bilion dalam tempoh dua hari setengah dan secara seriusnya merosakkan usaha pemulihan ekonomi selepas krisis ekonomi berlarutan selama tiga bulan dengan menghapuskan sisa keyakinan yang masih ada pada pelabur.

Nasib baik bahawa kerajaan tidak masuk dalam pasaran saham dengan tabung RM60 bilion oleh kerana reaksi yang buruk daripada orang ramai. Kalau ada masuk RM60 bilion sebagai satu tabung menyelamatkan BSKL, sekarang apa nilai RM60 bilion ini, masa itu lebih kurang 750 point ke 800 point, sekarang 550 point hilang 215 sekurangnya 20%, RM60 bilion sudah menjadi RM48 bilion, ringgit lagi susut, ringgit depreciated 40%, pagi ini 3.51 - 40%, ini bererti RM60 bilion akan menjadi RM32 bilion wang rakyat dan inilah kita menghadapi satu national catastrophe dan bagaimana waiver boleh diberi untuk UEM-Renong deal ini dan saya harap bahawa kerajaan mengambil keputusan supaya menyelamatkan keadaan ini bahawa bukan sahaja waiver tidak boleh diberi tetapi langkah-langkah diambil untuk menyelamatkan keadaan mereka yang bertanggungjawab membenarkan UEM-Renong deal untuk meneruskan menjadikan satu national catastrophe tindakan perlu diambil terhadap mereka, sama ada Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Chairman FIC atau sesiapa yang bertanggungjawab, gantikan mereka, kita tidak boleh ada national catastrophe demi national catastrophe. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Parit Sulong.

3.56 ptg.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Program 070200 iaitu mengenai Sewa Kenderaan.

Saya difahamkan bahawa sekarang ini semua kereta-kereta untuk menteri-menteri, timbalan, setiausaha parlimen dan pegawai-pegawai kanan kerajaan adalah disewa dari sebuah syarikat yang bernama Spanco Sendirian Berhad dan untuk tahun hadapan dianggarkan bahawa perbelanjaan ini adalah sebanyak RM110 juta.

Jadi, saya hendak bertanya mengapakah perkara ini diubah daripada dahulu adalah centralised pool car yang dikendalikan oleh JKR, sekarang ini dibawa kepada Spanco, adakah ini satu langkah yang menguntungkan atau merugikan, adakah ini satu langkah yang memudahkan atau yang menyukarkan dan adakah pihak kerajaan hari ini berpendapat bahawa mereka berpuas hati dengan perkhidmatan dan juga cara-cara syarikat ini mengendalikan maintenance atau penyelenggaraan kenderaan-kenderaan kerajaan.

Saya difahamkan bahawa sekarang ini sebarang penyelenggaraan didapati bahawa lebih mahal daripada penyelenggaraan yang dibuat pada waktu-waktu yang lalu. Mengapakah perkara ini berlaku, adakah syarikat ini semata-mata mendapat peluang dari kerajaan, maka dengan sewenang-wenangnya juga meningkatkan kos yang dikenakan terhadap penyelenggaraan kenderaan-kenderaan kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu dalam keadaan negara berhadapan dengan krisis demi krisis dan dalam keadaan negara mahu memperketatkan tali pinggang dalam perbelanjaan, maka ada juga operasi yang boleh diminimumkan perbelanjaannya tetapi tidak dikawal. Jadi, saya harap kalau urusan dan perkhidmatan syarikat ini tidak lagi relevan dengan keadaan kewangan negara semasa, maka seharusnya dicari alternatif lain untuk menyelenggarakan kereta-kereta kerajaan.

Yang keduanya, saya ingin merujuk kepada Kepala 020000 iaitu Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber. Dalam hal ini dinyatakan bahawa perkhidmatan ini adalah berfungsi untuk menilai kedudukan ekonomi negara dan antarabangsa bagi membantu penggubalan dasar supaya pertumbuhan ekonomi dapat dipertahankan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya ingin bertanya bagaimanakah relevannya jabatan atau perkhidmatan ini di peringkat kementerian untuk membuat satu fokus yang tepat, satu fokus yang boleh membawa manfaat kepada kesejahteraan ekonomi negara. Umpamanya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Dato'

Timbalan Menteri Kewangan di sini, sebelum kita berhadapan dengan keadaan hari ini iaitu mulai daripada bulan Julai atau Ogos, adakah kita mempunyai satu signal, satu warning signal dari jabatan ini untuk memperkatakan bahawa satu malapetaka mungkin akan datang ataupun sekiranya salah satu faktor yang menyumbang kepada keadaan hari ini adalah umpamanya terlalu banyak import. Adakah pihak jabatan ini telah mengeluarkan satu bentuk nasihat ataupun amaran kepada mana-mana badan-badan yang relevan kerana di sini juga dinyatakan bahawa sebahagian daripadanya adalah memberi nasihat kepada pelabur-pelabur.

Jadi, saya hendak tahu bermakna dari segi penganalisan ataupun the economic analysis yang dijalankan oleh Kementerian Kewangan ini setakat manakah digunakan analisis ini sebagai rujukan kepada tindakan dan perancangan yang akan datang kerana saya tahu bahawa jabatan ini mempunyai kakitangan yang berpengalaman dan juga mempunyai networking yang luas, tetapi saya hendak tahu adakah nasihat daripada pihak yang menganalisis ini juga dipanjangkan kepada badan-badan lain yang berkaitan dengan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itu yang saya ingin ketengahkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya harap mendapat jawapan yang boleh memuaskan kita semua. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tambun.

4.02 ptg.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada tajuk Pengurusan Penyelidikan dan Pembangunan Sistem Kewangan.

Saya ingin menyentuh tentang sektor banking. Pertama, tentang BLR. Kita sedar bahawa BLR telah meningkat daripada 8.5% pada tahun lalu kepada 11.2% iaitu pertambahan sebanyak 31.8% dalam tempoh satu tahun. Daripada maklumat yang kita perolehi daripada sektor swasta, kenaikan BLR telah mengakibatkan kos pinjaman yang lebih tinggi umpamanya bagi pinjaman sebanyak RM10 juta tambahan kos sebanyak RM270,000 setahun terpaksa dibayar oleh pihak swasta.

Kita sedar bahawa sektor swasta adalah injin kepada pembangunan negara kita dan dengan kos pinjaman yang begitu tinggi, ini menjadi disnctive kepada pihak swasta. Bukan sahaja kos BLR yang tinggi, pihak swasta juga terpaksa menghadapi kos buruh yang tinggi, dengan ini kadar keuntungan

pihak swasta telah merosot kalau pada masa lalu kita boleh katakan purata margin keuntungan sebanyak 15% sekarang telah turun kepada 10%.

Dalam keadaan ekonomi sekarang di mana kita menghadapi beberapa suasana, pertama dengan penurunan kadar tukaran asing kita, kita berharap bahawa sektor swasta akan mengambil peluang dengan menambahkan pengeluaran serta meningkatkan eksport mereka. Ini memerlukan kepada pelaburan baru terutama sepertimana yang telah saya nyatakan bahawa kapasiti pengeluaran negara kita telah sampai kepada lebih daripada 85%. Untuk meningkatkan volume pengeluaran perlu kepada pelaburan baru. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, tidakkah kerajaan mahu campur tangan supaya memastikan bahawa kos pinjaman tidak meningkat begitu tinggi sampai sekarang BLR pada kadar 11.2%. Ini juga tentunya akan mendatangkan kesan buruk kepada peminjam yang sedang melabur dalam KLSE yang menghadapi masalah untuk bayaran pinjaman, mereka akan berhadapan dengan kos yang begitu tinggi sekali.

Saya juga menyentuh perkara ini kerana kita sedar dengan masalah di pasaran saham, bagi syarikat-syarikat untuk mendapat dana daripada pasaran ekuiti begitu sulit, saya berhadapan dengan beberapa syarikat yang sebelum kejatuhan pasaran saham bercadang untuk mendapatkan dana daripada pasaran ekuiti tetapi terpaksa menangguhkan usaha tersebut oleh kerana kos pinjaman juga bertambah tinggi. Jadi, rancangan untuk pembesaran syarikat itu tidak dapat dijalankan.

Perkara yang kedua mengenai dengan arah pinjaman, saya pernah menyatakan tentang arah pinjaman kita banyak menumpu kepada non productive activities, saya maksudkan non productive seperti hartanah dan juga pinjaman untuk pembelian ekuiti pada hal negara ini memerlukan pinjaman untuk productive sector ataupun real investment pembangunan sektor perkilangan, pembuatan dan sebagainya.

Saya dapati bahawa arah pinjaman kita sekarang masih lagi tinggi dalam sektor non productive tadi dan rendah bagi sektor perkilangan dan pembuatan ataupun sektor productive. Bagaimanakah usaha kerajaan ke arah untuk menukar arah pinjaman ini kerana jelas menunjukkan bahawa pinjaman kepada sektor perkilangan dan pembuatan begitu menurun sejak bulan-bulan terakhir ini.

Perkara yang ketiga, saya ingin menyentuh tentang soal liberalisasi sektor kewangan, kita tahu bahawa di bawah WTO kita adalah penandatangan.

Dalam tempoh sepuluh tahun dari tahun 1995 hingga tahun 2005 kita perlu membuat persediaan apabila sektor kewangan kita akan menjadi sektor yang terbuka. Kita difahamkan bahawa kerajaan telah menyediakan satu sistem dipanggil 'Two-tier System' yang akan mengasingkan di antara institusi kewangan besar dengan yang kecil.

Saya difahamkan bahawa sambutan daripada sektor banking termasuk daripada syarikat-syarikat insurans di atas usaha kerajaan ini tidak begitu licin dan apakah masalahnya? Adakah kerajaan mempunyai strategi lain untuk mengatasi masalah ini kerana saya dapat lihat dalam negara kita antara sikap buruk yang kita selalu amalkan kita tunggu pada peringkat akhir .....

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Minta Yang Berhormat bercakap kuat sedikit, saya hendak jawab saya kurang dengar, tolong kuat sedikit.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya tidak sedar umur saya muda. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah agak berumur lebih lagi, dia tidak berapa dengar, saya minta maaf.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, orang lain tak dengar tak apa, saya yang penting, sebab saya hendak jawab. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya sentuh tadi mengenai dengan soal liberalisasi sektor kewangan, kerajaan telah memperkenalkan Sistem Two-tier. Tier satu untuk bank dan institusi kewangan yang besar dan tier satu lagi yang bawah, yang kecil dan tujuan kerajaan mengadakan System Two-tier adalah supaya syarikat-syarikat kewangan, banking dan sebagainya naik kepada tier yang pertama.

Saya difahamkan bahawa sambutan daripada sektor banking termasuk insurans tidak begitu menggalakkan, malah di antara banyak bank perdagangan hanya sepuluh sahaja yang mengambil bahagian, bank saudagar empat dan syarikat kewangan tiga dan hanya beberapa sahaja syarikat-syarikat insurans yang mengambil bahagian.

Saya bertanya tadi, apakah strategi lain supaya pelaksanaan ini dapat berjalan dengan lancar dan saya juga menyatakan bahawa antara masalah sikap yang diamalkan oleh penduduk negara kita, kita

tunggu pada saat terakhir. Jadi, sekarang sudah dua tahun berjalan, lagi lapan tahun kita akan membuka ruang sektor kewangan kita kepada persaingan. Kalau dibiarkan sikap tersebut diamalkan oleh pengusaha kita, tiba waktu nanti kita akan berhadapan dengan masalah persaingan yang tidak mampu kita hadapi.

Saya juga dapati antara kelemahan sektor banking kita tidak begitu efisien. Kita ambil contoh dari segi penjelasan cek, baik untuk dalaman mahupun untuk luar negeri, ia tidak begitu efisien jika dibandingkan dengan bank-bank besar.

Begitu juga dalam pengurusan aset, dana, pengurusan unit saham dan sebagainya, kita tidak begitu hebat berbanding dengan bank-bank luar. Saya nampak lapan tahun yang akan datang ini bukan satu tempoh waktu yang begitu panjang, kalau persediaan tidak dilakukan daripada sekarang lagi, kita akan menghadapi masalah. Pada peringkat lapan tahun ini kita boleh mencuba dengan kita membesarkan operasi kita ke negara-negara ASEAN dan juga negara-negara lain supaya kita dapat bersaing dalam ruang yang lebih terbuka. Umpamanya, Malayan Banking mempunyai cawangan di negara-negara luar dan 15% dari keuntungan mereka diperolehi dari operasi di negara-negara luar.

Saya berpendapat bahawa ini patut dicontohi oleh bank-bank lain dan kerajaan harus memainkan peranan supaya bank mula bergiat di dalam Asean terlebih dahulu dan kemudian meluaskan kepada negara-negara lain supaya kita bersedia bila tiba tahun 2005.

Begitu juga dengan syarikat insurans, saya berpendapat bahawa oleh kerana antara kelemahan kita, bukan sahaja kita tidak mempunyai modal yang mencukupi, kita juga tidak mempunyai kapasiti dan kapabiliti untuk bersaing dengan syarikat-syarikat insurans lain. Ini membuka peluang bagi syarikat insurans tempatan untuk mengadakan joint venture, dan sebagainya dengan syarikat-syarikat insurans luar yang telah beroperasi di peringkat global. Saya difahamkan banyak syarikat insurans dari negara-negara maju yang mencari rakan kongsi.

Saya berpendapat memandangkan sikap pengusaha kita yang agak tidak bersedia untuk berkongsi perniagaan, kalau kita biarkan kepada mereka untuk membuat keputusan, saya percaya mereka akan menunggu sehingga pada saat terakhir, seperti saya nyatakan tadi. Saya percaya kerajaan harus memainkan peranan dengan mengarah syarikat-syarikat insurans dan syarikat kewangan supaya meningkatkan kedudukan mereka bagi

menghadapi masalah persaingan apabila pasaran menjadi terbuka nanti.

Tuan Pengerusi, perkara terakhir tentang pasaran saham. Saya hendak menyentuh sedikit sahaja. Di antara masalah mengapa pasaran saham jatuh di banyak tempat di dunia kerana negative remarks yang diterima. Kalau terlampau banyak negative information yang diperolehi, pasaran saham tidak akan naik kerana pelabur akan lari. Saya berharap dalam kes UEM-Renong pihak kerajaan akan memberi penjelasan yang jelas. Dalam urusan ini dari analisa saya tanpa maklumat yang cukup, biasanya bagi sesebuah syarikat hendak mengambil alih ekuiti syarikat lain terutama melibatkan ekuiti lebih dari 30%, ia bergantung kepada pembeli dan penjual untuk membuat keputusan. Konsultan akan membuat kajian berdasarkan NTA, future earnings potential, NPV dan sebagainya dan akhirnya mereka akan mencapai kepada satu harga yang ditetapkan.

Daripada transaction ini kita dapati banyak negative remarks bukan sahaja dari fund managers luar negara tetapi juga dari dalam negara kita. Kalau negative remarks berterusan dan setiap transaction ada negative remarks, saya tidak percaya bahawa pasaran saham akan naik terutama kita sedar 20% daripada dana untuk pelaburan dalam pasaran saham kita ini telah hilang kerana foreign fund managers telah pun meninggalkan negara kita dan kita berharap daripada institutional investors yang juga retail investors dalam negara, mereka juga telah kekeringan wang.

Jadi, saya harap dalam kes UEM-Renong ini pihak kementerian akan memberi penjelasan dan juga penjelasan lain mengenai dengan sektor pasaran saham supaya ia dapat berkembang balik dan pelabur-pelabur yang sekarang ini banyak menghadapi masalah hutang dengan bank akan dapat lepas daripada masalah mereka kerana kita amat takut jikalau bank memanggil pinjaman tersebut akan mendatangkan kesan sampingan yang akhirnya akan merosotkan ekonomi negara kita dengan lebih teruk lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:**  
Kubang Kerian.

**4.15 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, Butiran 020000 - Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber.

Saya sebagai orang yang tidak faham dalam terms ekonomi, ingin bertanya dan minta penjelasan beberapa perkara, terutama sekali saya lihat - saya telah sebut di peringkat dasar dahulu, kalau kita

kumpulkan jawapan menteri dan timbalan menteri, jawapan yang diberikan kalau ditanya hal ekonomi, saya rasa kalau saya ambil jawapan itu semua, saya jawab soalan tingkatan enam, saya fail periksa.

Jawapan saya kata sekali lagi merapu. Kadangkala itu tidak menunjukkan ada satu jawapan yang serius, jawapan semata-mata hendak lepas jawab terutama sekali peringkat menteri dan timbalan menteri kena jaga. Sebab misalnya bila kita memberi pertanyaan pandangan, Timbalan Menteri Kewangan selalu mengatakan kita tidak tahu teori ekonomi. Memang kita tidak tahu terms teori ekonomi tetapi orang dapat merasa ekonomi, misalnya teori ekonomi dengan praktikal ekonomi lain. Misalnya, Tan Sri Lim Goh Tong, dia tidak pandai teori ekonomi tetapi dia kata orang yang dapat master ekonomi kena kursus dengan dia enam bulan dahulu, selepas enam bulan baru dia lepaskan untuk terlibat dalam perniagaan ekonomi sebenar.

Timbalan Menteri pernah bercakap di Kedah misalnya dia kata, Kubang Kerian itu bukan tahu sangat ekonomi. Saya akui benda itu, terms saya tidak tahu, tetapi kita ingin bertanya, sebab jawapan di sini misalnya seorang Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos kalau tidak silap saya, dia kata, duit kita jatuh - bagus, dengan jatuh itu kita dapat menggalakkan eksport. Jadi, jawapan seperti ini saya nampak jawapan main-main, betulkah duit kita jatuh bagus? Sedangkan kalau saya bertanya kalau betul duit kita jatuh bagus, kita jatuhkan duit kita lagi supaya kita dapat galakan eksport. *[Ketawa]*

Jadi, saya mengharap sungguh-sungguhlah dalam keadaan yang begini, walaupun saya tidak pandai melihat saham tetapi kebelakangan ini saya minat. Saya minat melihat dan sudah mula belajar dan saya lihat menggerunkan, tambah pula orang-orang yang main saham naik kapal terbang, jumpa kita selalu dia kata, apa hendak jadi ini, orang yang terlibat beli saham sekarang ada yang sembang dengan dinding pun ada. Tanyalah Yan, yang ada sedikit-sedikit pun. *[Ketawa]* Dan saya .....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat, dia bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Minta Kubang Kerian tarik balik. Saya sampai hari ini waras lagi tak sembang dengan dinding lagi Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya tarik balik, saya tarik balik. Itu cuma satu sentuhan

gurauan. *[Ketawa]*

Jadi, saya minta perkara ini di samping kita jawab dalam bentuk hendak hentam parti pembangkang tetapi biarlah jawapan itu daripada analisa, tambahan pula pegawai-pegawai kerajaan sendiri yang terlibat dalam analisa ekonomi, ada perkara yang mereka boleh tunduk dengan orang politik, ada perkara yang mereka kena tegas di sudut mempertahankan ini hujahnya untuk kita memulihkan ekonomi.

Jadi, apa yang berlaku saham jatuh hari ini sampai lebih 40 mata dan dilaporkan duit kita pun jatuh lagi sampai RM3.50, kita makin hari makin bimbang dan ada pula mengatakan kalau jatuh sampai 400 mata Bursa Saham boleh tutup - lagi bimbang keadaan ini. Jadi, kita harap pihak analisa ekonomi ini betul-betul memberi maklumat kepada menteri terutama Menteri Kewangan, Timbalan Menteri Kewangan dan lain-lain Timbalan Menteri bila menjawab satu perkara sama ada dalam Parlimen atau di luar Parlimen, jangan kalau kita ambil jawapan menteri-menteri itu kita buat satu buku, kita nampak betapa bercanggahnya dan keadaan yang begitu bertelagah antara satu sama lain.

Saya ingin juga bertanya kenapa saham-saham, kita katakan industri besar yang terlibat dalam perniagaan yang kukuh juga jatuh kerugian yang begitu dahsyat, misalnya Tenaga Nasional mengalami kerugian keuntungan 88%, begitu juga Telekom, kalau yang besar-besar begini jatuh, bagaimanakah syarikat-syarikat yang kecil. Begitu juga kita lihat tak pernah berlaku saham RM2 bila dilistkan tinggal RM1.80, ini saya sendiri yang tak faham pun sudah mula faham sekarang, ekonomi kita sungguh teruk sekarang ini. Jadi, kita akui dan mari kita fikir bersama bagaimana hendak menaikkan ekonomi ini.

Kemudian 030200 - Pengurusan Korporat dan Sokongan. Setelah kerajaan umumkan pengurangan cukai kepada mereka daripada 30% ke 28% yang melibatkan kerajaan mungkin kekurangan pendapatan US\$1,000 daripada cukai itu dan pelbagai galakan diberi kepada mereka. Saya ingin bertanya apakah kesan pengurangan itu yang melibatkan korporat ini, aktif mereka dalam perniagaan, dalam syarikat mereka selepas kerajaan umumkan pengurangan daripada 30% kepada 28%, kenapa setelah kerajaan beri insentif yang begitu baik, kita lihat syarikat-syarikat ini tidak aktif dan tidak yakin lagi dengan pengumuman kerajaan dan mereka tidak begitu aktif untuk terus melabur dan terus aktif perniagaan mereka, kenapa, saya ingin bertanya.

Salah satu yang diumumkan oleh Menteri Kewangan dan jawapan Timbalan Menteri Kewangan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi iaitu mengurangkan barang-barang import, gunakan barang tempatan. Bila kita balik di tengah malam di rumah, kita lihat siaran TV terutama sekali siaran yang berbentuk jualan secara langsung, saya nampak tak ada satu pun di 'promote' kan barang tempatan, terutama kita lihat yang daripada alat-alat senaman, perfume, pakaian termasuk pakaian yang mudah alih, satu jenis pakaian wanita itu boleh dipakai tiga, empat jenis, begitulah juga alat mengail, alat pencuci. Kita melihat pengiklanan itu tidak ada yang 'promote' kan barang-barang tempatan.

Jadi, pengumuman Kementerian Kewangan itu lakonan ataupun sungguh-sungguh. Sebab tak ada kita nampak turutan selepas itu ke arah seriusnya untuk mengajak rakyat mengguna barang-barang tempatan, bahkan kalau kita melihat siaran yang ditaja iaitu siaran untuk jualan langsung itu hampir 100% sekarang ini jualan daripada luar negeri dan ianya mahal empat, lima kali ganda daripada harga di negeri mereka.

Begitulah juga kita melihat, misalnya sekarang ini dilebu raya sudah mula diizinkan Kentucky, McDonald untuk membuka kedai-kedai atau francais mereka, ini mereka sudah hebat, mereka sudah mampu untuk membuka di tengah-tengah bandar, sekarang kerajaan menggalakkan mereka atau memberi keizinan kepada mereka membuka di lebu raya, sudah tentulah bila mereka membuka kedai-kedai mereka nanti, maka kedai-kedai individu yang menjual di tempat-tempat lain di lebu raya barangkali akan ditutup atau kurang pelanggan kerana orang akan menuju ke Kentucky dan McDonald kerana servisnya cepat dan sudah tentulah mereka ini akan membuat kekayaan dan mengalir wang kita keluar begitu banyak.

Jadi, saya hendak bertanya adakah Kementerian Kewangan serius hendak menggalakkan penggunaan barang-barang tempatan atau seronok umum dalam Parlimen supaya rakyat pun seronok dan undi mereka lagi dalam pilihan raya yang akan datang. Ini perkara yang kita anggap cukup seriuslah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kenapa kali ini, cukai yang disebut sin tax ataupun setengah orang panggil 'cukai dosa' tidak dinaikkan seperti cukai terhadap rokok, terhadap arak, terhadap judi, terhadap kelab malam tempat hiburan, kenapa tidak dinaikkan. Bagi kami, kami mahu benda ini dihapuskan terus, diharamkan terus, tetapi masih

ada, kenapa cukai tidak dinaikkan. Adakah dengan tidak menaikkan cukai ini kita menggalakkan pelancongan ataupun cukai ke atas mereka ini menyebabkan pelancong tak datang dan sebagainya, kenapa cukai-cukai ini sepatutnya dinaikkan tidak dinaikkan terhadap perokok, terhadap tempat-tempat minuman keras dan di tempat-tempat yang lain yang sepatutnya kerajaan naikkan. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Senai.  
4.25 ptg.

**Datuk Lim Si Cheng [Senai]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 Maksud Bekalan B.31 di bawah Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi, pada bulan Oktober 1997 masalah kesesakan Tambak Johor memang hebat diperbincangkan serta mendapat liputan di media massa secara berleluasa baik di Malaysia ataupun di Singapura. Saya difahamkan masalah ini berlaku adalah berkaitan dengan pemeriksaan kastam.

Pihak Singapura menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap pelaksanaan sistem baru. Pemeriksaan kastam bagi lori-lori barangan di Kompleks Pemeriksaan Kastam Tanjung Puteri yang mana telah menyebabkan kesesakan lalu lintas bagi kenderaan yang keluar dari arah Johor Bahru ke Singapura.

Sehingga Dewan Perniagaan dan Perindustrian dari Singapura telah mengeluarkan kenyataan bahawa syarikat daripada Republik itu mungkin memindahkan operasi mereka dari negeri Johor jika kesesakan di Tambak Johor itu berterusan.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin mengemukakan beberapa soalan untuk mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini apakah gambaran yang sebenarnya berkaitan dengan masalah kesesakan di Tambak Johor pada ketika itu.

Tuan Pengerusi, adakah tindakan telah dan akan diambil oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan untuk menyelesaikan masalah ini. Bolehkah Kementerian Kewangan memastikan apabila laluan kedua yang akan dibuka untuk digunakan pada bulan Januari tahun hadapan, masalah seumpama ini tidak akan timbul lagi kerana saya juga difahamkan bangunan pemeriksaan kastam di laluan yang kedua ini direkabentukkan dengan secara yang tidak praktikal.

Jadi, saya ingin mendapatkan satu penjelasan sama ada dengan adanya laluan yang kedua dimulakan pada tahun hadapan masalah yang sama di laluan yang kedua ini akan timbul lagi.

Tuan Pengerusi, saya yakin dan percaya kerajaan kita memang peka kepada segala masalah yang berlaku dan sudah tentu akan mengambil tindakan untuk mengatasinya. Melalui Dewan yang mulia ini ingin saya memohon kepada pihak Dewan Perniagaan dan Industri Singapura berilah kepercayaan kepada kerajaan kita dan kerana hubungan baik antara Malaysia dan Singapura perlu dipelihara dan juga segala niat saya rasalah untuk menjatuhkan imej negara kita perlu dipinggirkan. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jangan cakap panjang ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak panjang, tetapi masalah Malaysia panjang. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tak payah jawab macam itu Yang Berhormat. [Ketawa]

4.27 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Maksud B.31, Butiran 040000 - Perancangan dan Pembangunan Korporat dan juga P.28, Butiran 04400 - Eksport Import Bank dan B.30, Butiran 020000 Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran serta B.29, Program/Aktiviti 020700 - Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya kepada Dewan Bandaraya.

Tuan Pengerusi, sebelum saya bermula dengan ucapan, saya pun takut dikacau oleh setengah orang, saya dengan terus terang menyeru semua rakyat mestilah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengelakkan negara ini daripada meminta pertolongan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa IMF dan Bank Dunia sebagai pakej untuk menyelamatkan ekonomi negara sebagaimana yang telah dibuat oleh Indonesia dan Thailand dan mungkin oleh Korea Selatan.

Kerajaan seharusnya memimpin melalui teladan dengan mengambil langkah-langkah yang berkesan dan elakkan kenyataan yang bukan-bukan untuk mendukung dan menupang ekonomi kita.

Pertamanya, umumlah butiran yang lengkap mengenai UEM-Renong untuk mengembalikan keyakinan terhadap pasaran dan ekonomi Malaysia. Ini perlu dibuat.

Tuan Pengerusi, pengambilan alih Renong oleh UEM dengan membeli saham-sahamnya lebih RM2 billion, UEM-Renong terhutang kepada bank-bank sebanyak RM9 bilion. Jika kadar faedah 10% dikirakan, jumlah faedah yang perlu dilunaskan setiap tahun ialah RM900 juta. UEM-Renong mempunyai 13 syarikat raksasa termasuk Foh Hup, Kriss, Faber, Fleet Group dan Bank of Commerce dan banyak lagi. UEM dan Renong mendominasi pasaran di Malaysia sudah beberapa tahun tetapi dominasi ini sekarang disoalkan, menimbulkan kontroversi, menimbulkan kesusahan kepada beribu-ribu pemegang saham. Ini masalah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kepong tadi sebut mengenai Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran, tetapi dia cakap UEM-Renong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Perancangan dan Pembangunan Korporat, Yang Berhormat.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Oh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Butiran 040000. Inilah masalah. Tuan Pengerusi, masalah memang timbul kerana laksana burung diam dalam sangkar.....[Ketawa]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ha, apa pula tu!

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yan bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang semua orang di sini laksana burung diam dalam sangkar.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Apa kena-mengena burung dalam sangkar? Takkan semua burung dalam sangkar?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang kerana.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ada setengah burung tidak duduk dalam sangkar, Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang tiada bebasnya untuk berucap, untuk memberi penjelasan.

Tuan Pengerusi, peristiwa UEM-Renong pernah berlaku dengan syarikat-syarikat yang lain - tidak payah sebutkan di sini. Kerajaan haruslah mengumumkan bagaimana hal UEM-Renong dapat diluluskan dengan begitu sahaja. Satu penganalisis mengatakan bahawa memang ada sesuatu yang tidak kena, sesuatu yang salah dengan sektor korporat Malaysia. Ia mengatakan, dengan izin, Tuan Pengerusi, "*We have seen this before and it is called Japan. Investors are terrified that Malaysia is going down the same route, with cash-rich companies bailing out parents' or affiliates' debts.*"

Tan Sri Halim Saad mendakwa bahawa pembelian saham-saham Renong yang berjumlah 723 juta saham Renong ini adalah dibuat dengan transaksi-transaksi di pasaran terbuka, adakah ini benar?

Dalam bulan yang lepas, volume Renong, transaksi saham-saham Renong di dalam pasaran hanya berjumlah kira-kira 112 juta saham sahaja, bukan 723 juta saham. Ini merupakan hanya 15% urus niaga UEM sahaja. Sekiranya semua saham RM112 juta ini dibeli oleh UEM, ini bermakna baki 619 juta saham Renong, 85% dijual luar daripada pasaran. Saya tidak tahulah macam mana 85% saham ini dijual.

Saya setuju bahawa kita nampak spekulator-spekulator dan manipulator-manipulator yang menjejaskan urus niaga di pasaran kita. Mata wang Ringgit Malaysia terjejas kerana manipulator dan spekulator ini, tetapi nampaknya bukan sahaja spekulator yang membuatnya tetapi kita sendiri, dengan contoh yang terkemukanya ialah UEM-Renong, itu menjadi manipulator yang terbesar di negara ini dan Kementerian Kewangan senyap begitu sahaja, saya tidak nampak jawapan, cuma memberi pengumuman bahawa semua itu beres, semua itu selesai asalkan rakyat jimat-cermat, asalkan jabatan-jabatan kerajaan jimat-cermat, asalkan kita membeli barang-barang tempatan, semua sudah selesai, semua sudah tuntas, semua sudah habis, kita tidak payah bimbang.

Saya hendak petik satu pantun dari sejarah Melayu:

*Dang Nila memangku puan*

*Berembang buah pedada*

*Adakah gila bagi mu tuan*

*Burung terbang dipipiskan lada.*

Jadi, kita buat janji-janji dan pengumuman demi pengumuman bahawa semua itu sudah selesai, tetapi walhal masalah, walhal gawatan, walhal ekonomi bergelora berterusan termasuk langkah-langkah yang diambil atau berkelulusan untuk urus niaga saham yang tidak begitu tepat, yang tidak begitu wajar, yang tidak begitu munasabah.

Itulah masalah kita sekarang, Tuan Pengerusi. Kerana kita hendak tahu kalau indeks komposit jatuh ke bawah 500 mata bagaimana ataupun indeks komposit jatuh kepada 'sifar' bagaimana negara ini? Ini masalah.

Saya nampak Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya tidak boleh tidur tiap-tiap malam kerana tak tahulah, dia senak juga, sedih juga, dukacita juga, macam mana masalah pergolakan ini yang sudah membingungkan mereka.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:**  
[Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak ada masa, Yan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang Berhormat Kepong, sepatutnya bila dalam keadaan macam ini Yang Berhormat patut simpati kepada menteri dan timbalan menteri sampai mereka tidak boleh tidur, ini Yang Berhormat dok perlu pula, tidak patut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak ada.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi, memanglah betul.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti sekejap, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebelum bermulanya kekacauan berlaku, saya ada pencadang.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak beri pendapat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat sudah beri laluan kepada Yan, dia belum habis cakap lagi.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ha, Yang Berhormat pun tak faham peraturan. [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Apa soalan Yan?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Pandangan saya, Menteri dan Timbalan Menteri Kewangan cuba menyelamatkan keadaan negara, kewangan negara, supaya klinik-klinik pun dapat berjalan dengan baik, masalah rakyat tidak timbul, Yang Berhormat pun boleh berniaga dengan elok. Jadi, Yang Berhormat patut ucap terima kasih kepada kerajaan dan kepada menteri, bukan perlu-perli pula dalam Parlimen ini. Yang Berhormat bersetujukah pandangan saya? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Yan ini saya sudah buat cadangan yang bernas tadi. Tetapi bila kita buat cadangan yang bernas, kita juga sambil itu menganalisis - memang di dalam ekonomi ini perlu analisis - menganalisis dan mengupaskan apa yang salah. Ini memang ada banyak yang salah walaupun Yang Berhormat kata ini semua asas fundamental itu cukup kukuh. Kalau begitu kukuh, mengapa kita mengalami masalah sekarang? Dan teori dia sekarang hapus, terjunam, tidak boleh dipakai langsung.

Tuan Pengerusi.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin hendak apa lagi? UEM-Renong itu cukup dah!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Bukan. Yang Berhormat Kepong, penjelasan. Kalau kita tahu suasana itu kurang baik, kita doa supaya dia baik. Tetapi cara Yang Berhormat cakap itu supaya doa suruh terus meredum, jatuh. Ini mungkin kerana orang macam Yang Berhormat yang mengandaikan benda yang tidak betul, sampai mengandaikan KLSE terus kosong. Ini saya ingat tumpu kepada sakit kulit sahajalah.

Saya minta kalau boleh, kalau kita lihat dari segi Korea, adakah kita jangka bahawa Korea sekarang ini memohon, Indonesia itu ketepikanlah, Yang Berhormat dari Kepong, tetapi adakah kita menjangka Korea sendiri terpaksa memohon bantuan daripada IMF. Dan sekarang Yang Berhormat sendiri cuba mengeluarkan andaian kononnya kita ini mungkin terpaksa memohon bantuan. Kita minta simpang sedikit, Yang Berhormat tidak perlu cakap. Yang perlu kita cakap, kita tingkatkan kepercayaan kita kepada ekonomi negara, bukan mengandaikan benda-benda yang tidak betul, tidak benar ini, sampai mengandaikan

'kosong peratus'. Saya nampak selalu sokongan dan cadangan Yang Berhormat bernas, tetapi hari ini kurang sedikitlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, Rompin patut dengar baik-baik, tadi dia tidak dengar. Kalau tidak dengar, macam mana tahu. Bermula daripada hari ini Rompin sebagai seorang pemimpin tunjuk teladan kepada rakyat dengar dengan baik-baik. Itu caranya. Selepas kita dengar apakah salah, kemudian kita boleh cari jalan untuk menyelesaikannya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Kepong, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada 10 minit lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sudah suntuk, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada banyak lagi, mengenai pencen kita hendak bincangkan dan pinjaman pelajaran hendak bincangkan kerana.....

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Lain wakil rakyat boleh bincangkan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya dengan ringkasnya, Tuan Pengerusi, mengenai Kumpulan Wang Tabung Pencen ini sudah meningkat kepada RM742 juta sekarang di sini. Memang kita mesti kaji sistem saraan dan sistem pencen di Malaysia ini dan juga untuk tujuan jangka panjang, bukan jangka pendek. Kita mesti fikir dari semua aspek termasuk kita hendak umur saraan itu mesti meningkat kepada 65 tahun kerana kita perlukan orang-orang yang cerdik pandai. Kepada ahli-ahli kakitangan kerajaan pun bila umur sampai 55 tahun, kebanyakan itu memang satu puncak di dalam kerjayanya, mengapa kita hendak berhenti dengan begitu sahaja, berilah peluang sampai 65 tahun. Saya faham ada kerumitan untuk melanjutkan umur saraan. Walau bagaimanapun, kita mesti kaji mencari jalan bagaimana kita dapat melanjutkan untuk menggunakan tenaga dan kepakaran cerdik pandai rakyat Malaysia.

Mengenai Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran, Tuan Pengerusi, saya akan pendekkan. Tabung ini jumlahnya ialah RM380 juta. Saya percaya ini untuk menolong pelajar-pelajar miskin yang akan melanjutkan pendidikan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dengan terlaksananya pengkorporatan Universiti Malaya, saya pun berasa hairan juga pihak kerajaan ada mengatakan hendak mengkorporatkan pada tahun yang lepas, 1 Januari

1997 tetapi sekarang dia hendak mula pada 1 Januari 1998. Saya diberitahu tarikh ini pun ditundakan, cuma hendak cuba dengan Universiti Malaya sahaja, universiti-universiti lain biarkan buat sementara waktu. Kalau ini yang akan berlaku, ini bermakna Kumpulan Wang Tabung Pinjaman Pelajaran tidak akan digunakan kerana satu universiti percubaan pun ditunda-tundakan kerana masalah-masalah yang timbul. Ini menunjukkan sebelum pihak kerajaan melaksanakan sesuatu dasar, sesuatu langkah, memang dasar ini tidak diteliti, tidak didalami dengan sesungguhnya dari segi pelaksanaannya. Pada teorinya baik tetapi pada praktiknya tidak dapat dilaksanakan. Ini masalah yang penting. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Balik Pulau.

4.45 ptg.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Butiran 060000 Lembaga Hasil Dalam Negeri. Mungkin saya jahil tentang perkara ini tetapi terdapat peruntukan sebanyak RM200 juta. Saya mohon kementerian memperjelaskan apakah perbelanjaan yang digunakan yang berjumlah RM200 juta lebih ini.

Butiran 070000, khususnya Program 070400 Pemberian Kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri berjumlah RM50 juta lebih. Saya juga mohon penjelasan perincian tentang perbelanjaan kedua-dua agihan peruntukan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri ini.

Butiran 020000 Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber. Tuan Pengerusi, saya sudah banyak kali sejak dalam Dewan ini telah mengatakan bahawa kita perlu memberi perhatian kepada struktur ekonomi negara kita kerana kita boleh melakukan perubahan struktur ekonomi pada masa ekonomi sedang bertumbuh seperti yang telah kita alami pada tempoh lapan tahun yang lepas. Dalam pada sedang bertumbuh itu, kita boleh melakukan perubahan struktur kerana kalau ekonomi tidak bertumbuh maka kita tidak mempunyai kemampuan dan juga ruang untuk melakukan perubahan yang tersebut. Tetapi kalau pertumbuhan ekonomi itu melekakan kita, maka apabila tiba waktu di mana economic down turn berlaku maka kita tidak mempunyai kemampuan untuk menangani masalah tersebut dan juga kita 'inherit' struktur ekonomi yang kurang baik.

Antara perkara yang kita selalu bangkitkan ialah market concentration dalam ekonomi kita ini dari segi industrial organisation. Struktur ekonomi kita ini tidak berapa menunjukkan kekuatan, kita nampak ada penumpuan kuasa pasaran yang terlalu banyak dalam sektor-sektor yang tertentu. Saya pernah mengatakan bahawa kita ikut sangat model Jepun ini yang lebih percaya kepada pengwujudan gergasi-gergasi yang membentuk struktur ekonomi. Selepas itu gergasi ini mempunyai rangkaian dengan sistem kewangan dan sebagainya yang akan menimbulkan masalah.

Hari ini kita lihat ekonomi Jepun misalnya sejak daripada tahun 1988, 1989 telah jatuh. Sampai hari ini ekonomi Jepun masih berada dalam kedudukan yang tenat. Satu model ekonomi yang ikut Jepun ialah Korea. Korea juga percaya kepada 'che boh' dia dan Korea hari ini jelas sekali struktur ekonominya adalah juga lemah. Hari ini walaupun dia sudah tukar Menteri Kewangan baru, Menteri Kewangan baru dia kata tidak hendak mohon bantuan IMF tetapi mungkin Korea juga akan menghadapi masalah yang samat berat dengan Jepun.

Kalau saya salah on this point, sejarah akan menghakimi kenyataan saya. Saya memang daripada awal mengatakan bahawa model yang lebih baik ialah model seperti Taiwan yang mana struktur ekonomi dari segi organisasi industrinya adalah tersebar luas dan struktur yang sedemikian rupa lebih mempunyai daya tahan yang mewujudkan lebih kemampuan bersaing berbanding dengan struktur yang mempunyai konsentrasi seperti Jepun dan Korea. Kalau Taiwan pun meredum lagi dua, tiga bulan, maka saya salahlah. Tetapi kalau Taiwan boleh bertahan.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit supaya bila menjawab nanti, saya relevan. Adakah Yang Berhormat maksudkan apabila sebut model ekonominya, keseluruhan ekonomi ataupun Yang Berhormat hanya menumpukan kepada sektor korporat. Sebab kalau hendak lihat kepada model ekonomi keseluruhannya, kita kepelbagaian Malaysia bukan tidak boleh dibandingkan dengan Jepun bahawa kita lebih baik. Jadi, bolehkah Yang Berhormat lebih spesifik apakah yang dimaksudkan model itu? Adakah ianya tertumpu kepada sektor korporat?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih. Maksud saya ialah sektor swasta pada keseluruhannya sama ada ianya pembuatan ataupun perkhidmatan dan sebagainya. Maksudnya, maksud saya struktur organisasi yang saya kata Taiwan mempunyai struktur yang lebih baik kerana Taiwan mempunyai struktur organisasi misalnya dalam pembuatan, perkilangan (manufacturing), orang kata organisasi industrial structure dia dispersed atau tersebar.

Jadi, kita mohon dalam Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber ini supaya nasihat yang dikemukakan oleh Perbendaharaan kepada kerajaan dalam melaksanakan dasar-dasarnya termasuklah dasar penswastan dan sebagainya supaya memberi nasihat yang sewajarnya. Jangan kita terikut, kadang-kadang orang kata jadi trendy. Kadang-kadang sibuk dengan Jepun, semua ikut Jepun, selepas itu Korea, ikut Korea. Jadi, seolah-olah kita tidak melakukan analisis yang sebenar-benarnya berdasarkan teori dan juga bukti-bukti (empirical) yang jelas.

Saya juga ingin bertanya, misalnya yang menasihati dan yang menentukan dasar-dasar ekonomi negara kita ini, ahli-ahli ekonomikah ataupun ahli-ahli perniagaan sebab dari segi latihan, seorang ahli ekonomi kita rasa walaupun banyak tidak setuju antara satu sama lain, analisis dia lebih sober dan mengambil lebih jangka waktu yang panjang ke depan.

Perkara yang berikut ialah Program 010600 Pengurusan Penyelidikan dan Pembangunan Sistem Kewangan. Perkara ini juga telah dibangkitkan banyak kali tentang kekuatan sistem kewangan negara kita, sistem perbankan, sistem insurans dan sebagainya dan kita telah menimbulkan kekhuatiran kita tentang aset inflasi yang begitu kuat yang menimbulkan kegiatan spekulasi dalam aset khususnya dalam bentuk hartanah dan kesan spekulasi ini mewujudkan kesan limpahan kepada pasaran ekuiti dan akhirnya semuanya mempunyai kesan ke atas sistem kewangan negara.

Jadi, kita takut sekarang ini kerana akan terdapat penguncupan nilai hartanah dan kita sudah pun melihat penguncupan yang agak teruk pada nilai saham. Sudah tentu sekarang ini sistem kewangan kita berdepan dengan sedikit masalah ataupun tekanan-tekanan yang tertentu. Sekarang pun kita lihat kecairan tidak berapa ada, pinjaman susah diberi. Jadi, kita hendak tahu apakah langkah yang diambil oleh Perbendaharaan, tetapi mungkin Bank

Negara pun ada terlibat dalam hal ini untuk memastikan bahawa kita tidak menghadapi melt down langsung.

Kalau kita lihat di dalam sejarah perkara ini bukan berlaku pertama kali, ini sudah berlaku berkali-kali dalam sejarah negara kita dan juga dalam sejarah dunia mengenai asset inflation, speculation dan diikuti dengan crash. Satu daripada entiti yang boleh berperanan penting dalam hal ini ialah Bank Negara Malaysia yang bertindak sebagai lender of a last resort. Jadi, apakah persiapan kita sekarang ini? Adakah kita mahu membenarkan institusi yang 'letih' ini mati terus ataupun kita hendak menggunakan lender of a last resort ini untuk menyelamatkan kejatuhan institusi ini supaya ianya membekalkan sedikit kestabilan kepada pasaran, sementara kita hendak recover dengan pembangunan ekonomi kita ini.

Saya difahamkan bahawa antara punca yang besar dalam masalah sistem kewangan ini terlalu banyak pinjaman telah digunakan dalam pasaran hartanah. Yang kedua, sebahagian besar lagi digunakan dalam pelaburan pasaran saham. Yang ketiganya, ada juga orang pinjam yang betul, dia pinjam sebab dia hendak buat bisnes, dia pinjam sebab dia memerlukan modal pusingan, dia pinjam sebab dia membeli mesin, dia pinjam sebab dia hendak melakukan benda yang produktif. Tetapi kita mendapat satu gambaran seolah-olah dua kelompok culprit yang mula ini, yang pinjam untuk melabur dalam pasaran ekuiti dan juga yang pinjam untuk speculate dalam pasaran hartanah ini, yang sebenarnya menyumbang sebahagian besar kepada ketidakstabilan ataupun masalah yang dihadapi oleh sistem kewangan. Jadi, yang kita takut ialah mereka yang melakukan kegiatan yang positif, yang sebenarnya memerlukan pinjaman untuk melakukan pelaburan-pelaburan yang menghasilkan benda yang produktif ini akan terjejas.

Begitu juga persoalan yang kita hendak tanya tentang apa pendekatan kita. Saya lebih suka kita menyelamatkan.....

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Wangsa Maju bangun.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sahabat saya dari Balik Pulau sebagai penjelasan. Dalam keadaan di mana kita menghadapi kesempitan pinjaman bagi syarikat-syarikat besar ataupun kecil dan menghadapi liquidity crisis macam sekarang, mungkin dibayangkan oleh

Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju dasar pinjaman bank-bank bila tiba masa semacam ini, dia menumpu lebih kepada peminjam-peminjam yang besar supaya dalam konsolidasinya itu dia lebih mementingkan mereka ini. Jadi, adalah cara-cara dia untuk cuba membantu ataupun sekurang-kurangnya bekerjasama dengan syarikat-syarikat besar. Tetapi bila dia buat begitu, bank-bank ini akan meninggalkan peminjam-peminjam kecil dan small scale industry dan sebagainya yang bukan selalu meminjam daripada mereka tetapi kecil-kecil. Oleh sebab dia kena consolidate dalam konteks liquidity crunch ini, maka akan menjejaskan kedudukan SMI dan peminjam-peminjam kecil ini. Jadi, harap mendapat penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih. Yang itu kita takut, bila bank terpaksa consolidate, yang dia hendak jaga betul-betul ini ialah yang dia beri pinjaman besar-besar, ratusan juta ringgit dan mungkin juga ribu juta ringgit. Kita khuatir bahawa mereka ini yang pinjam banyak ini adalah dua kelompok tadi, yang terlibat dalam pinjaman pasaran ekuiti ataupun pinjaman untuk spekulasi dalam hartanah. Apabila mereka melakukan perkara tersebut, seperti Yang Berhormat dari Wangsa Maju kata, yang jadi mangsa ini ialah yang pinjam tidak berapa banyak - RM1 juta hingga RM5 juta, tetapi mereka pinjam kerana mereka melakukan benda yang betul. Mereka pinjam untuk mereka buat SMI, mereka pinjam sebab mereka beli mesin, mereka pinjam sebab mereka hendak melabur dalam memperbesar kapasiti pengeluaran dan sebagainya. Jadi, yang itu kita takut kerana saya rasa dalam tempoh lapan tahun yang lepas, yang mendapat manfaat yang cukup banyak daripada perkembangan ekonomi ini adalah golongan yang pinjam banyak ini. Tetapi kalau mereka tidak prudent dan sekarang mereka kena, jadi kenapakah kita hendak korbankan yang pinjam kecil-kecil dan betul-betul ini kerana kita hendak menyelamatkan yang besar ini. Mereka telah mendapat manfaat yang cukup banyak daripada perkembangan yang lepas, tetapi mereka tidak prudent.

Kita harap dalam pada memberi penjelasan tentang ini, ada kenyataan yang dikeluarkan kerana kita takut dalam keadaan sekarang ini usahawan tulen yang bukan senang kita hendak bentuk satu kelas usahawan yang betul-betul berniaga. Kalau di dalam proses transition ini, dua, tiga tahun dalam keadaan kita tenat ini, kalau mati habis yang ini semua, kemudian kita hendak bentuk satu kelas

usahawan yang sebegini rupa sekali lagi adalah mengambil masa yang panjang dan memerlukan usaha yang cukup tinggi. Jadi, kita ingin satu penjelasan daripada kementerian yang memberi keyakinan dalam keadaan kecairan yang agak sudah pekat, hendak jadi likat, supaya mereka ini yang merupakan golongan yang besar ini tidak terjejas.

Akhirnya, tentang sistem kewangan ini juga, benda yang berlaku dua, tiga hari lepas antara UEM dengan Renong ini. Ini kita dukacitalah kerana benda ini dilaksanakan dalam kedudukan pasaran sekarang, timingnya cukup teruk. Tetapi apa yang lebih penting ialah kita kena sedar kenapakah pasaran telah membuat satu tanggapan yang begitu negatif tentang apa yang telah berlaku di antara UEM dengan Renong kerana ia menunjukkan seolah-olah dalam pasaran saham kita macam-macam boleh jadi. Satu daripada benda yang boleh jadi ialah tidak ada perlindungan langsung untuk hak pemegang saham minoriti.

Bayangkan dalam apa yang berlaku di antara UEM dengan Renong. Akhirnya satu individu menguasai hampir 80% satu syarikat awam yang besar, bukan syarikat awam yang kecil. Jadi, keputusan untuk melakukan reverse investment itu, UEM beli balik Renong ini ialah keputusan yang dibuat oleh board yang mungkin tidak mengambil kira kepentingan pemegang saham minoriti. Jadi, apabila ada satu tanggapan bila kepentingan pemegang saham minoriti tidak terlindung dalam pasaran kita, maka pelabur tidak akan hendak melabur.

Macam saya kalau hendak melabur ataupun kalau pengurus dana hendak melabur, dia bukan hendak melabur sampai RM300 juta, RM400 juta, dia melabur, katalah RM20 juta, RM30 juta, RM40 juta, even RM100 juta pun dia sekadar menjadi pemegang saham minoriti. Tetapi kalau pemegang saham majoriti boleh buat keputusan yang tidak mengambil kira kepentingan saya, akhirnya saya sebagai pelabur tidak ada keyakinan untuk melabur dalam bursa saham yang mana kepentingan minoriti tidak diberi perlindungan. Itu yang menyebabkan kehilangan keyakinan pelabur dalam bursa saham, sebab itu mereka telah longgok saham Renong dan UEM dalam pasaran dua, tiga hari yang lepas sehinggakan sekarang sedang didagangkan di bawah RM2 sahaja untuk satu saham, jadi ini masalah.

Walaupun ROC ini dalam kementerian yang lain, tetapi untuk menimbulkan keyakinan kepada pelabur kenalah kita ketatkan benda ini, kena ada ketelusan

yang kita selalu katakan, transparency, disclosure yang betul-betul. Kalau tidak, kita tidak akan dapat menarik minat pelabur dari segi memberi keyakinan bahawa dia sedang melabur dalam pasaran yang mana maklumat itu adalah jelas, di mana hak dia terlindung, di manakah sempadan hak dia sebagai minoriti terlindung dan apakah rules of the game yang dia hendak masuk ini. Jadi, ini adalah perkara yang perlu kita beri perhatian.

Dalam kes baru-baru ini, pihak berkuasa telah membenarkan transaksi itu berlaku tanpa parti yang terlibat itu membuat general offer. Macam mana satu orang boleh kontrol 70% lebih satu buah syarikat awam tetapi tidak perlu dibuat general offer kepada yang lebih, 30% yang minoriti. Ini pun mungkin SC dan sebagainya perlu melihat kepada perkara-perkara yang seperti ini kerana kalau tidak, tidak ada keyakinan yang akan wujud di kalangan pelabur tentang apakah rules of the game yang ada di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur ini. Sekali lagi.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Okay. Tuan Pengerusi, akhirnya, kita sudah berdepan dengan masalah, kita tahu bahawa fenomena ini adalah fenomena yang regional, yang melibatkan negara-negara dalam rantau ini dan mungkin juga benda ini boleh melebar ke rantau-rantau yang lain. Tetapi haruslah kita dalam kita berdepan kepada masalah ini, memberi penekanan kepada pengenalan masalah-masalah struktur perundangan yang ada dalam sistem kita yang boleh kita perbaiki sendiri untuk kita kembalikan keyakinan pelabur dan seterusnya menguatkan ekonomi negara kita untuk kita pergi ke satu masa yang kita akan berkembang kembali dan pada satu masa yang semestinya selepas kita berkembang ini, kita akan menguncup balik kerana kitaran itu sememangnya akan berlaku, kita tidak boleh elakkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka.

5.05 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Program/Aktiviti 020300 Pengurusan Penganalisan Ekonomi.

Di sini saya ingin tahu sejauh manakah pihak kerajaan akan berjaya untuk menangani masalah

inflasi dengan penurunan nilai mata wang Ringgit kerana saya rasa dari segi kenaikan kadar faedah dan juga penurunan nilai mata wang Ringgit, inflasi merupakan cabaran yang paling utama dalam menghadapi cabaran ekonomi untuk tahun depan.

Di sini saya ingin menimbulkan dua perkara. Yang pertama, dalam Belanjawan 1998, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memperkenalkan penurunan cukai sebanyak 2% untuk syarikat petroleum, iaitu dari 40% potong 2%, jadi 38% kepada pendapatan syarikat petroleum yang membawakan durian runtuh, dengan izin, windfall gain kepada syarikat petroleum. Di samping itu, potong lagi duti eksport untuk minyak mentah (crude oil) sebanyak 10%, daripada 20% kepada 10% yang juga akan membawakan keuntungan ataupun kekurangan pendapatan kepada kerajaan sebanyak RM498 juta. Keseluruhan ini sebanyak kira-kira RM610 juta ini merupakan satu durian runtuh kepada syarikat petroleum.

Mengapakah dalam keadaan sedemikian? Apakah faedah yang diperolehi oleh pengguna? Mengapakah harga petrol tidak dikurangkan? Kalau RM610 juta boleh diuntukkan kepada syarikat petroleum, saya rasa satu tindakan harus diambil untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa pengguna pun boleh mendapat manfaat dalam bentuk harga minyak yang lebih rendah. Pada masa yang sama tidak boleh dinafikan bahawa harga minyak antarabangsa pun telah turun kerana kali yang terakhir ia dipinda adalah pada tahun 1990 dan 1991 iaitu semasa Perang Teluk harga ini ditetapkan, sehingga sekarang masih belum diubah. Saya rasa sudah sampai masanya kita menurunkan harga petrol yang akan membawa kesan secara langsung untuk menangani atau menyekat inflasi.

Satu perkara lain ialah tentang kenaikan harga minyak masak. Di sini saya rasa pihak kementerian harus mengambil atau campur tangan dalam usaha ini. Saya amat kesal bahawa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama lebih mementingkan hak peladang-peladang kelapa sawit daripada pengguna di mana dia boleh memperjuangkan hak mereka untuk menaikkan harga minyak masak. Saya rasa ini keterlaluan. Keterlaluan kerana tiga sebab dengan ringkas.

Pertama, tambahan perolehan daripada penjualan kelapa sawit akan meningkat daripada RM11 bilion tahun lepas kepada RM13 bilion tahun ini, bukan kerana faktor-faktor pasaran tetapi semata-mata kerana penurunan nilai mata wang Ringgit. Kalau nilai mata wang Ringgit turun kerana harga jualan

minyak kelapa sawit adalah dalam kadar US Dollar, ini bukanlah keuntungan atau tambahan daripada produktiviti ataupun kekurangan bekalan ataupun bertambahnya permintaan. Jadi, tidak ada kuasa pasaran (market forces) di sini. Kalau ini ditentukan oleh faktor pasaran, mungkin kita boleh mengambil kira menimbang kenaikan minyak masak. Tetapi bila ia ditentukan oleh penurunan nilai mata wang Ringgit, saya rasa adalah tidak boleh diterima dan tidak masuk akal bahawa minyak masak tempatan boleh dinaikkan sekadar dengan kenaikan minyak kelapa sawit pada peringkat antarabangsa atau c.p.o. price, dengan izin.

Kedua, mengapa ia tidak boleh dinaikkan ialah keperluan tempatan hanya 5% sahaja, 95% dieksport. Kalau hanya 5% tidak ada sebab mengapa ia tidak boleh disubsidikan daripada eksport. Oleh sebab itu, saya harap pihak kementerian boleh mengajar Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ataupun mengeluarkan arahan untuk menyekat inflasi tidak boleh naik harga minyak masak.

Ketiga, yang paling penting sekali, daripada tambahan pendapatan penjualan kelapa sawit sebanyak RM2 bilion ini, apakah subsidi yang perlu dikeluarkan oleh peladang-peladang kelapa sawit ataupun industri kelapa sawit kalau mereka hendak menstabilkan harga minyak masak. Pada tahun 1995 mereka pernah berbuat demikian, mereka hanya perlu keluarkan RM25 juta. Apakah jumlah RM25 juta yang mereka perlu keluarkan berbanding dengan tambahan pendapatan sebanyak RM2 bilion yang mereka akan perolehi untuk tahun ini. Saya rasa kalau pihak kerajaan membenarkan industri kelapa sawit menaikkan kadar minyak masak, mereka sendiri akan menggagalkan 'cakap tak serupa bikin', menggagalkan usaha menyekat inflasi. Ia harus ditolak sama sekali bukan sahaja 30%, saya amat kesal menteri yang berkenaan pun tidak boleh membela hak pengguna. Bukan sahaja 30% tidak dibenarkan tetapi satu sen pun tidak boleh dinaikkan. Saya harap perkara ini akan dipertimbangkan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, mengenai pengurusan pengawasan syarikat sektor awam, di sini saya ingin bertanya mengapakah pihak Suruhanjaya Sekuriti ataupun FIC meluluskan atau memberikan, dengan izin, implicit not an approval ke atas deal or has stated by some fund managers the rate of the cen-

ture Renong-UEM. Mengapakah apabila tahap 33% yang merupakan, dengan izin, trigger point for a mandatory general offer belum dicetuskan, mengapa mereka harus memberikan kelulusan. Kelulusan sedemikian adalah tidak beza daripada, dengan izin, official blessings to this deal. Itulah sebabnya keyakinan telah hancur, hangus sama sekali dan BSKL lingkup tiga hari lepas ini.

Di sini kalau kita lihat market capitalisation BSKL pada hari Isnin sebelum deal of the century ini atau rate of the century ini diumumkan, market capitalisation adalah sebanyak RM475 bilion tetapi pada hari Rabu telah turun kepada RM427 bilion, iaitu penurunan sebanyak RM48 bilion dan hari ini, sekarang saya rasa sudah tutup, saya tidak tahulah, mungkin sudah turun 50 mata, saya rasa menjangkau RM70 bilion. Satu deal seperti ini yang melibatkan RM2.34 bilion, pembelian RM2.34 bilion oleh UEM dalam Renong untuk ekuiti 32.6% telah mengakibatkan kejatuhan nilai dalam BSKL sebanyak RM70 bilion. Kalau inilah keadaan, saya rasa mereka yang terlibat dalam deal ini sebenarnya adalah benar-benar pengkhianat ekonomi yang harus diambil tindakan tegas oleh kerajaan. Kalau kerajaan cakap hendak gunakan ISA terhadap mereka yang mengancam keselamatan dan kestabilan ekonomi, saya rasa inilah masanya tetapi saya rasa kerajaan tidak akan berbuat demikian kerana telah diberikan implicit not an approval, dengan izin, oleh Securities Commission.

Apakah tindakan yang diambil ke atas pengkhianat ekonomi yang terlibat dalam UEM-Renong deal? Pembelian RM2.34 bilion mengakibatkan kejatuhan RM70 bilion dalam BSKL. Hari ini saya terkejut Tan Sri Halim Saad, blue eye boy of UMNO, menyatakan apa salah deal ini kerana net asset value RM6.20 berbanding dengan harga pembelian RM3.24 satu saham. Kalau benar-benar RM6.20 saya rasa BSKL tidak akan turun menjunam seperti ini. Sebenarnya saya percaya mereka telah buat penganalisan dan mereka tahu bukan RM6.20, jauh kurang daripada itu. Itulah sebab BSKL gelabah menjual saham. Bukankah hal sedemikian harus diambil tindakan oleh pihak kementerian. Saya rasa selagi pihak kementerian meluluskan deal seperti ini, Kementerian Kewangan patutlah menghadapi undi tidak percaya kalau ini dibenarkan.

Saya rasa dalam aspek ini saya ingin meminta Suruhanjaya Sekuriti menjelaskan kerana tindakan mereka yang telah menjejaskan keyakinan bukan sahaja pelabur tempatan tetapi juga pelabur luar asing. Saya rasa peluang ekonomi untuk pulih,

lingkup sama sekali. Saya minta Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti bertanggungjawab. Kalau dia meluluskan, memberikan, dengan izin, official blessing implicitly, tactily, perlulah masa kita ada satu pasukan baru, mungkin satu pasukan wawasan yang boleh menyelamatkan keadaan.

Kita tidak boleh benarkan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti dan saya ingin cadangkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa beliau letak jawatan. Kalau tidak letak jawatan, mungkin lebih baik dipecat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Pada masa yang sama, Bank Negara tidak boleh lari daripada tanggungjawab mereka. Tengok Ringgit, turun RM3.51 atau RM3.52 tetapi tidak ada ambil tindakan. Dalam keadaan seperti ini bukan sahaja di Indonesia tetapi di Thailand, sudah letak jawatan. Mengapa Gabenor Bank Negara yang bertanggungjawab ke atas keruntuhan nilai mata wang Ringgit yang begitu teruk sekali, yang terbabit dengan malapetaka ekonomi, mengapa beliau pun tidak accountable.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, masa sudah lebih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak gulung sedikit. Di sini saya harap dalam deal of the century ini tindakan harus diambil ke atas mereka yang telah diberikan peluang tetapi sebaliknya telah mengkhianati amanah yang diberikan kepada mereka sehingga mereka bukan sahaja untung.

Adalah dinyatakan di sini bahawa saham 32.6% dibeli, dengan izin, open market operation. Saya ingin mendapat tahu daripada pihak kementerian sama ada ini benar atau tidak? Macam mana seseorang atau satu pihak boleh beli 32.6% saham dalam UEM, bererti 722 juta atau 723 juta saham dalam pasaran tanpa dikesan oleh mana-mana pihak. Ini dinyatakan dalam sidang akhbar Tan Sri Halim Saad, adakah ini benar? Kalau ini tidak benar, kita hendak tahu dari pihak manakah UEM telah membeli saham Renong? Saya rasa ini amat janggal sekali kerana sebenarnya Renong yang miliki UEM, tetapi sekarang UEM pula beli Renong. Bukan bapa makan anak, tetapi ini anak makan bapa. Saya rasa ini amat janggal sekali. Saya harap perkara ini bolehlah diberikan penjelasan oleh pihak kementerian untuk menyelamatkan keadaan ekonomi negara kita. Kalau tidak, saya rasa, kita boleh buat apa-apa usul tetapi tidak ada seorang pun yang akan percaya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin.

5.18 ptg.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyertai perbahasan dalam Maksud Bekalan B.28 Perbendaharaan, Program/Aktiviti 010300 Pengurusan Perolehan dan 020300 Pengurusan Penganalisan Ekonomi termasuk Pengurusan Pengawasan Syarikat Sektor Awam.

Saya amat.....[Y.B. Tuan Lim Guan Eng keluar Dewan] Kota Melaka sudah keluar, dia geram betul hari ini, kalau hendak dengar, duduk. Dia memang selalu begitu, selepas dia membahan, dia lari.....

**Seorang Ahli:** Merapu saja!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Itulah, kata sahaja demokrasi, dia bahan, cakap, kita dengar. Bila kita bangun nak rebat, dia cabut lari. Tetapi Teluk Intan bagus, jangan ikut yang lama-lama, yang tua-tua ini, yang muda ini bagus, berani, tetapi tak tahulah, berani sementara, selepas setahun dia pun takut sekali.

Kota Melaka ini lepaskan geram dia, menggunakan kononnya rate of the century, punya geramnya itu, perkataan-perkataan yang digunakan tadi, mala-petaka ekonomi. Tetapi dia tidak faham adakah kita dalam suasana di rantau Asia ini mana kita boleh fikir bahawa Korea pada hari ini kita dengar hendak memohon sokongan daripada IMF, mana kita jangka ini boleh berlaku?

DAP kalau yang betul itu, dia tidak sanggup hendak beri sokongan. Kita lihat semalam, dia cakap, dia sokong, tetapi bila undi, dia cabut, dia takut rugi, hilang undi dia di grass root. Kepong pun mungkin yang terakhir tinggalkan Dewan, tetapi dia juga cabut. Kalau Kepong berani, mengapa tidak bangun sokong dan undi? Dia sama sahaja dengan yang lain-lain.

Yang Berhormat dari Kota Melaka geram tentang UEM dengan Renong ini. Isu teknikal saya rasa Dato' Timbalan Menteri boleh jawab, tetapi saya ingat dahulu bila Lebuhraya Utara-Selatan diswastakan, dia bawa perkara ini sampai kepada Mahkamah Agung (Supreme Court), hendak tahan. Bila lebuhraya itu sudah siap, dia yang gunakannya, Ketua Pembangkang menggunakan. Syukur alhamdulillah, bila dia kena accident itu tak apa berlaku kepada dia, dia gunakan. Tetapi bila hendak mulakan, semuanya tidak betul, semuanya tidak benar. Bila ada yang baik macam semalam, dia sokong, sokong, sokong, bila undi, dia 'ca-alif-but'. Dia terpaksa sokong kerana isu Amerika Syarikat

ini mengambil hati, mendapat sokongan seluruh rakyat. Dia terpaksa mengambil mileage itu, kalau tak sokong, dia rugi pula pulangan politik dia. Sebab itu saya kata Kota Melaka ini memang lepas geram, mencari isu UEM-Renong ini untuk kepentingan mileage politik dia. Dia nampak di dalam pasaran, memang orang ada kerugian dari segi kejatuhan pasaran saham, dia cuba menggunakan ini untuk mendapatkan mileage politik yang murah.

Tuan Pengerusi, dari segi tuduhan dia, dia geram tadi, dia kata blue eyed boy of UMNOlah, banyak lagi insinuationsnya. Tetapi kita jangan lupa juga mereka ini sudah semestinya ada juga membuat projek nasional yang baik untuk negara. Lebuhraya Utara-Selatan banyak orang mendapat manfaat daripada pembangunan projek itu, kita jangan lupa. Sekarang hendak cuba buat projek Putra, juga akan membawa manfaat kepada negara dan Kuala Lumpur. Bermakna, kalaulah apa jua perkara-perkara tertentu, kita janganlah lepas geram. Kalau salah kita pukul, tetapi nampaknya Kota Melaka ini hendak lepaskan geram, dia hendak bunuh sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh kepada perkara Program/Aktiviti 010300 Pengurusan Perolehan. Saya hendak membawa isu sedikit tentang kesan kenaikan Dolar Amerika ini. Kita mengucapkan syabas kepada kementerian. Saya dengar banyak usaha untuk memastikan kita menyekat kemasukan barang-barang ataupun komponen-komponen dari luar negara. Apa suara-suara yang kita dengar bahawa kita perlu lebih ketat lagi, macam di India memang tidak benarkan terus. Macam sekarang kita tidak kata kita tidak benarkan barang-barang diimport tetapi kita kenakan duti sahaja, tetapi kadang-kadang duti itu tidak besar, 10%, 15%. Tetapi kadang-kadang dalam projek-projek, perunding-perunding (consultants) daripada luar negara ini atas dasar kualiti, atas dasar teknologi itu canggih, atas dasar standard, dia specified barang itu.

Saya difahamkan satu projek Petronas, paip-paip terpaksa diimport, sebab standard paip itu dispesifikasikan standard untuk oil and gas, itu barang paip, sebab yang dibuat di tempatan tidak boleh dipakai. Tetapi kalau kita tengok dalam bangunan apartment, kondominium, paip yang kita gunakan untuk switch pipe boleh dibuat di tempatan, tetapi spesifikasi yang dibuat untuk bangunan itu, paip terpaksa diimport. Itu yang pertama.

Yang kedua, spesifikasi welding menggunakan spesifikasi minyak - oil and gas, oleh kerana itu welders terpaksa dibawa. Itu yang saya kata tadi,

kita kena lebih lagi teliti supaya benar-benar, bukan kita kata kementerian tak buat, kementerian buat, tetapi saya mohon lebih teliti lagi, jangan diberi import. Kalau kata paip, jangan beri import, mengapa perlu import, kita buat di tempatan. Sekarang ini the honours is on them to prove the import. Bermakna sekarang ini kalau atas dasar spesifikasi, dia bawa masuk dan dibayar duti. Kadang-kadang dia bayar duti oleh kerana dalam tender itu dispesifikasikan barang itu mesti di bawah kilang ISO 9002, barang-barang besi itu hanya boleh dibuat di luar negeri sahaja. Kadang-kadang komponen itu pula yang dibuat tidak mengikut benchmark spesifikasi yang ada, spesifikasi yang diletak lebih tinggi. Oleh kerana spesifikasi yang letaknya lebih tinggi, tidak ada yang tempatan boleh bekal, yang dibekal ialah besi dari luar negara. Itulah saya mohon kalau dapat Kementerian Kewangan, saya dengar sudah banyak, syabas kabel pun tidak dibenarkan bawa masuk, alhamdulillah, syukur, tetapi minta lebih teliti. Kadang-kadang agensi-agensi ini minta semua yang baik, semua yang canggih, mereka lupa agenda yang lebih besar untuk menjimatkan perimbangan bayaran negara.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, tentang kesan kepada pemborong-pemborong kecil. Tadi saya ada bawa sedikit persoalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan. Saya minta sedikit, ini keluhan yang di bawah, mereka mendapat tender daripada Kementerian Kewangan ataupun tender daripada agensi-agensi pelaksana kerajaan, mereka ini tidak boleh membekal barang-barang yang mereka mengemukakan tender atau sebutharga oleh kerana sebutharga atau tender itu adalah tender tempatan, sudah sewajarnya bayarannya adalah dengan Ringgit Malaysia, tetapi barang-barang atau komponen yang disebut itu datangnya daripada luar negeri. Memang sewajarnya kos mereka itu juga berasaskan kepada kos Dolar Amerika. Saya minta kerajaan cuba menimbang.

Dalam suasana sementara ini, saya yakin Ringgit kita boleh pulih, insya-Allah, tidak lama lagi. Tetapi dalam masa sekarang ini di mana mereka berhadapan dengan masalah ini, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu dasar atau polisi untuk membantu mereka. Kalau mengikut peraturan yang ada, kalau mereka itu masuk tender, tidak bekal, kena potong tender dia, dia kena blacklist, dia hendak masuk lagi sebutharga sudah tidak boleh. Mungkin kalau benar-benar dapat dibuktikan oleh pembekal ini, memang kos dia tinggi, apakah boleh dipanggil sebutharga semula kerana tidak mungkin

mereka akan membekal kerana kosnya lebih tinggi daripada apa yang dikemukakan dahulu.

Perkara ketiga, yang terakhir, Tuan Pengerusi, tentang kontrak-kontrak kerajaan. Dahulu oleh kerana tender itu internasional, Treasury membenarkan bila mengemukakan tender, dia boleh mengemukakan tender katalah RM100 juta, tetapi RM50 juta itu dibayar dalam bayaran Ringgit Malaysia dan RM50 juta lagi dia boleh bayar dalam currency yang lain. Oleh kerana kita terkena dengan Yen yang melambung naik seketika dahulu, kita pindahkan sekarang ini, saya difahamkan Kementerian Kewangan meminta pemborong-pemborong atau pembekal, penender untuk mengemukakan sebutharga mereka atau tender dalam US Dollar, masih berlaku sekarang. Adakah kerajaan akan menimbang dasar ini supaya currency yang hendak dikemukakan itu bukan US Dollar tetapi currency yang lain supaya apa lagi permasalahan yang mungkin berlaku dengan Ringgit Malaysia kita tidak akan berlaku lagi seperti yang dihadapi sekarang ini di mana perimbangan nilai antara Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika amat tinggi sekarang ini.

Saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada kementerian kerana dalam budget dahulu telah banyak mengemukakan dasar dan usaha untuk memperkukuhkan ekonomi kita. Saya rasa tidak benar apa Yang Berhormat dari Kota Melaka cakap tadi. Saya rasa Dato' Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen tidak perlu bimbang. Rakyat Malaysia seperti yang kita buktikan semalam sentiasa di belakang kerajaan dan sentiasa di belakang Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri serta kerja usaha baik Dato' Timbalan Menteri dan Dato' Setiausaha Parlimen jangan bimbanglah hujah-hujah Yang Berhormat dari Kota Melaka, kami sentiasa di belakang Dato' berdua. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Teluk Intan, selepas itu kementerian diminta jawab.

5.29 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak membahas mengenai Butiran 020200, 020300, 03303 dan 030000.

Tuan Pengerusi, hari ini saya ingin menyentuh mengenai tiga perkara yang tertentu. Pertama, mengenai bank-bank di Malaysia. Kedua, mengenai masyarakat India dalam financial situation dalam negara ini. Dan ketiga, mengenai syarikat-syarikat insurans di negara ini.

Mengenai bank-bank, saya ingin tahu apakah situasi di negara ini mengenai commercial banks, adakah mereka ini juga tenat seperti keadaan ekonomi negara ini? Apakah situasi liquidity ratio, debt ratio dan adakah over lending telah terjadi pada masa ini? Adakah dengan izin, to much of exposure oleh commercial banks. Saya juga difahamkan adakah ini benar bahawa ada arahan-arahan dari Bank Negara supaya hutang-hutang orang-orang kenamaan tidak perlu dipanggil balik pada masa sekarang, oleh kerana ekonomi tenat dan mereka pun susah. Kalau ini benar, semestinya perkara yang terjadi baru-baru ini di Japan perlu diambil kira di mana 10 buah bank dalam senarai terkuat muflis, jadi, adakah ini benar? Jika tidak benar, adakah keadaan muflis yang terjadi di bank-bank di Japan akan terjadi di negara ini serta apakah dengan izin, assurance.....

**Tuan Noh bin Omar: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan?

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya minta maaf. Tetapi kalau Tuan Pengerusi memberikan lebih masa untuk berucap saya sedia.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa tetap.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya minta maaf.

**Seorang Ahli:** Masa tetap, lain kalilah - lain kali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila teruskan kalau tidak beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Lain kali - lain kali. Jadi, berapa buah bankkah yang tenat dalam keadaan ini dan kita juga tidak boleh lari dari perkara yang terjadi tidak berapa lama dahulu di mana seorang Timbalan Gabenor Bank atau ketua sebuah bank yang terkenal di negara ini iaitu Pacific Bank, yang dikatakan terlibat dengan beberapa penyelewengan. Saya tidak ingin menamakan beliau, tetapi Dewan yang mulia ini tahu dan selepas itu tidak ada apa-apa tindakan. Adakah penyiasatan telah selesai dibuat? Dan adakah beliau terlibat kerana orang ramai di Malaysia percaya beliau terlibat dalam hal-hal penyelewengan, maka terpaksa meletakkan jawatan.

Saya difahamkan ada beberapa orang ternama korporat juga terlibat dalam perkara ini, adakah ini benar dan jika tidak sama ada ura-ura yang mengatakan bahawa orang yang terkuat di negara ini dalam situasi financial juga terlibat dalam peminjaman wang dari bank dan tidak dapat membayarnya. Ada sebuah commercial Merchant Bank yang juga terlibat dan saya difahamkan sangat tenat, belum lagi mufliis, tetapi buat sementara sedang dijaga oleh kerajaan supaya tidak mufliis. Jadi, apakah assurance kerana ini market talk, I mean this is open dalam seluruh negara, ramai orang tahu. Oleh itu, untuk mengelakkan perkara ini, kita juga hendak tahu.

Selain dari itu saya juga ingin menyentuh mengenai masyarakat India. Sebelum ini saya telah menyentuh bahawa orang India yang terlibat dalam korporat dan financial cake.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin bangun minta jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** DAP ini ada bahagian MICkah?

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Rompin, dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tiada memperjuangkan orang Melayu, orang China, hanya memperjuangkan orang India sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak ada masa, saya tidak ada masa yang.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau macam itu boleh masuk MIC.

**Tuan M. Kulasegaran:** ..... pada masa yang tertentu, saya tidak dapat menjawab soalan ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kota Melaka tidak marahkah, dia memperjuang kaum India sahaja..... *[pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan merapu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dia tidak mahu beri.

Ya, sila.

**Tuan M. Kulasegaran:** Sebelum ini saya telah bertanya soalan ini juga dan saya diberi jawapan bahawa 1.5% sahaja dari economy cake negara orang India yang .....

**Seorang Ahli:** Tidak betullah itu!

**Tuan M. Kulasegaran:** ..... ada mengambil bahagian. Walaupun kita telah merdeka lebih 40 tahun, apakah perkara-perkara yang dapat memberi insentif-insentif yang tertentu terutama sekali kepada masyarakat India. Apakah cara-cara untuk meningkatkan penglibatan masyarakat India dalam financial world Malaysia dari 1.5% ke-10% yang patut terjadi kerana masyarakat India adalah masyarakat yang forgotten race of this country - marginal people, dengan izin...

**Seorang Ahli:** Tidak betullah itu, salah! Salah!

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak ada masa.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini katanya parti sosialis.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya tidak ada masa, jadi saya harap.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....using a non-ethnics approach, dengan izin....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat dari Rompin jangan merapulah!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa Ketua Pemuda Sosialis ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk! Duduk!

**Tuan M. Kulasegaran:** Jadi untuk keadilan masyarakat India tertentu, saya harap tindakan yang tegas diambil dalam perkara ini.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** *[Berdiri sambil menunjukkan buku yang berwarna biru]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, apa buku biru Yang Berhormat?  
[Ketawa]

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:**  
Point of order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, tunggu sekejap.

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:**  
Point of order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Apa dia?

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:**  
Minta izin, Tuan Pengerusi, peruntukan 36(10)(c) berbunyi:

*"36(10)(c) perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia ....."*

Yang Berhormat ini tidak bolehlah berasaskan kepada perkauman. Ini kalau Cina, India saya fikir tidak wajar, saya harap Tuan Pengerusi membuat satu keputusan. Saya minta jangan kita berhujah berkaitan atau berasaskan kepada perkauman, ada dalam peraturan 36(10)(c).

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya. Yang Berhormat, saya fikir ucapan beliau itu adalah untuk improvement economic situation orang-orang India. Jadi, saya tidak nampak ada perkara-perkara yang tidak baik. Ya, sila.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, kita perlu belajar baik-baik. Saya baru masuk Dewan ini tidak sampai 6 bulan....  
[Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Jangan ganggulah. Beri dia peluang untuk berucap.

**Tuan M. Kulasegaran:** Di constituency saya ada 22% orang India. Jadi, perkara ini sangat mustahak. Inilah perkara yang perlu ditimbang oleh kerajaan dan apakah cadangan-cadangan asas yang sedia ada dan apakah tindakan yang akan diambil?

Selain dari itu mengenai Butiran 030300. Saya ingin mendapat satu penjelasan mengenai projek perumahan kos rendah dan general policy. Dalam hal ini adakah kerajaan telah memberi keutamaan kepada masyarakat India kerana pada pengetahuan

saya, di kawasan saya sendiri walaupun 22% masyarakat India tetapi penglibatan mereka dalam rumah kos rendah sangat kurang. Saya harap kerajaan akan mengambil kira mengenai perkara ini. Begitu juga di tempat-tempat lain seperti di Ipoh dan sebagainya di mana masyarakat India ada sebanyak lebih kurang 20%-30% dari penduduk-penduduk. Jadi, peratusan yang ada patut diberi, seperti di Kelantan tidak ada, oleh itu tidak perlulah. We cannot have a system satu polisi yang sama di seluruh negara.

Saya mencadangkan seperti di Teluk Intan, di Ipoh dan di Kedah kelonggaran yang lebih hendaklah diberi.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Lagi satu ialah mengenai MB Finance di mana baru-baru ini dengan izin, there was a run on the company. Saya difahamkan bahawa 'run' itu adalah disebabkan oleh sesuatu perkara. Jadi adakah apa-apa penyiasatan dibuat, kerana 'run' itu adalah disebabkan oleh finance company itu sendiri yang mendapat keuntungan kerana banyak wang telah dikeluarkan, tetapi fixed deposit interest tidak perlu dibayar. Saya difahamkan mereka telah untung lebih kurang RM50 juta dengan senangnya dalam perkara ini.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai syarikat insurans. Saya difahamkan ada beberapa syarikat insurans yang sangat tenat pada masa ini yang juga akan terlibat seperti Mercantile Insurance. Adakah over exposure dalam perkara ini dan adakah kerajaan sedar, kerana saya difahamkan ada satu syarikat yang public listed di mana ia telah memainkan margin account setakat RM200 juta, tetapi telah mengalami kerugian. Syarikat tersebut ialah Pacific and Orient Insurance Berhad, adakah ini benar, kerana paid-up capitalnya pun tidak berapa banyak. Jadi, apakah situasi syarikat-syarikat insurans di negara ini serta berapa buahkah kompeni insurans yang akan muflis seperti Mercantile Insurance sebelum itu QB Insurance, SEG Insurance. Adakah kerajaan akan mengkaji balik perkara-perkara ini dan mengambil tindakan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, masa sudah cukup.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila jawab Yang Berhormat.

6.40 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan ahli Parlimen yang telah membahaskan peruntukan-peruntukan yang diberi di bawah Kementerian Kewangan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Parit Sulong, Tambun, Kepong, Kota Melaka, Balik Pulau, Rompin, Kubang Kerian dan Teluk Intan.

Empat orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan peristiwa kelmarin iaitu peristiwa mengenai dengan pembelian saham Renong 32.6% oleh anak syarikatnya iaitu UEM. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Tambun, Parit Sulong dan Balik Pulau telah membangkitkan perkara ini dan telah menyatakan ketidaksenangan hati mereka mengenai dengan perkara ini, yang mereka mengatakan bahawa ini telah membawa kepada kehilangan keyakinan di dalam pasaran saham dan ia akan menyebabkan kehakisan keseluruhan ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, saya pun terkejut dengan pembelian ini, malah saya telah bertanya mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, apakah wujud official blessing dari segi pembelian ini. Saya diberitahu bahawa kadar ataupun percentage yang dibeli oleh pihak UEM adalah 32.6% iaitu kurang. Di dalam peruntukan FIC mana-mana pembelian yang kurang daripada 33% tidak memerlukan apa-apa approval daripada FIC. Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, pihak UEM telah membeli saham ini berasaskan kepada apa yang dibenarkan, iaitu di bawah trigger of points 33%.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Sekejap.....tidak dilanggari.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kalau 33% ini masih belum dicapai sebelum waiver perlu dipohon atau diminta daripada Suruhanjaya Sekuriti, mengapa pula Suruhanjaya Sekuriti ataupun FIC telah memberikan waiver bila ia tidak sepatutnya diminta daripada pihak berkuasa, kerana pemberian waiver atau pengecualian ini telah memberikan gambaran bahawa timbul pula implicit or otherwise official blessing ke atas dirinya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, soal pemberian waiver ini adalah didakwa oleh pihak Halim Saad, tetapi di dalam hal ini telah wujud satu peraturan yang mana waiver tidak diperlui apabila ianya dibeli di bawah 33%. Ini saya diberitahu. Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, pemilik-pemilik saham minoriti mempunyai hak untuk mempersoalkan pembelian ini, iaitu pemilik-pemilik saham minoriti di dalam UEM mempunyai hak mempersoalkan pembelian ini apabila diadakan mesyuarat agung (EGM) yang akan diadakan nanti dan saya fikir ini akan dibangkitkan di dalam mesyuarat agung itu oleh pemegang-pemegang saham minoriti.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Kita di sini bukan bincang mengenai cara minority shareholder untuk menuntut hak mereka. Di sini adalah untuk menyoalkan kenapa FIC memberikan waiver kepada UEM dalam rate of the century ini? Sungguhpun akhirnya UEM hanya membeli 32.6% sahaja belum sampai 33% di mana mekanisme trigger general offer yang mandatori telah berbangkit. Tetapi pada 5 November ini seperti yang dikatakan oleh Halim Saad, bukan didakwakan oleh Halim Saad, ini tentulah benar. Kalau tidak benar tanggungjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah datang ke sini untuk menafikan bahawa pada 5 November waiver ada diberikan oleh FIC. Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dia diberitahu sahaja, ini tidak boleh diterima. Ini far from his high standard of Parliamentary performance. Perkara ini timbul bukan sekarang, tetapi ditimbulkan semalam di dalam perbahasan dan tentu ada pegawai-pegawai FIC atau pegawai-pegawai Security Commission di belakang.

Yang pertama, kita mahu tahu kenapa waiver ini diberi oleh kerana waiver boleh diberikan di bawah take over dan merger code ialah atas national interest. Adakah UEM-Renong deal dalam malapetaka ini? Ada national interest dan apabila kita tengok dalam tiga hari ini, sudah menimbulkan satu krisis ekonomi yang baru di mana BSKL sudah jatuh lagi. Hari ini lebih daripada 66 points, ini bererti bahawa sejak pengumuman mengenai malapetaka ekonomi Renong dan UEM - 130 bukan?[sambil bertanya kepada Y.B Tuan Lim Guan Eng] - lebih kurang 130 points. Ini against national interest dan menimbulkan satu national catastrophe, orang yang terlibat perlu diambil tindakan bagaimana FIC boleh memberi consent waiver. Itulah yang kita mahu tahu. Inilah kerajaan ada tanggungjawab kepada rakyat, kepada semua pelabur yang sudah rugi RM70 bilion lebih kurang.

Ini bukan satu perkara kecil dan kita mahu tahu kenapa kerajaan melalui FIC memberikan waiver?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya mengatakan tadi bahawa trigger off points 33% itu tidak dicapai, iaitu ia membeli 32.6%. Tetapi apa yang diberi oleh FIC di dalam pengambilalihan ini ialah di bawah kaedah 34.2 Kod Malaysia mengenai pengambilalihan. Itu diberi di bawah kuasa yang ada pada FIC, pengambilalihan sepertimana yang didakwa oleh Halim Saad iaitu yang melibatkan national interest di bawah peraturan itu. Jadi, ini dibolehkan.

Saya tidak menyangkal bahawa pembelian ini telah menghakiskan keyakinan, tetapi persoalannya di sini FIC telah memberi waiver ini, seperti yang saya kata tadi di bawah kaedah 34.2 Kod Malaysia mengenai dengan pengambilalihan. Jadi ianya dibeli pada kadar 32.6% tidak sampai kepada 33% yang boleh trigger intervention FIC, iaitu tidak membenarkan pengambilalihan ini. Itu yang saya sebut.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Jadi, Yang Berhormat inilah yang FIC meng'exercise'kan apa yang dia boleh beri dan dia telah memberikannya di dalam apa yang dibenarkan oleh undang-undang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ingin tahu bahawa FIC menggunakan kuasanya di bawah kanun take over merger, ada kuasa atas national interest. Apa yang kita menyoalkan ialah what is the national interest yang diasaskan persetujuan waiver dibuat, tentu bukan tanpa sebab. Kita mahu senaraikan butir-butir, pertama, kedua, ketiga, apa national interest. Itulah transparency, itulah accountability dan kalau FIC tidak boleh memberikan sebab-sebab apa national interest, berapa sebab-sebab national interest dan akhirnya menimbulkan satu economic catastrophe. Ini menunjukkan bahawa FIC sudah cuai, tidak bertanggungjawab dan perlu satu revamp. Kita mahu tahu apa itu national interest?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya tidak dapat menjawab apa itu national interest yang diberi oleh FIC. Saya hanya menjawab setakat kuasa yang digunakan oleh FIC untuk membenarkan pengambilalihan ini. Jadi, mengenai national interest itu, di sini saya tidak menjawabnya apa itu national interest, tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa perlakuan ini telah menyebabkan sedikit sebanyak hakisan di

dalam keyakinan. Persoalan national interest ini kita bangkitkan lain kalilah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bila kita boleh tahu apa itu national interest?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Di dalam forum yang lain ataupun di dalam .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah buat satu kenyataan kementerian pada hari Isnin, oleh kerana begitu penting.....

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya, saya mengakui.....

**Tuan Lim Kit Siang:** ... Ministerial statement?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya, kita tidak tahu apa yang disebutkan.....

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** .... apa sebab-sebab untuk saya memberitahu Yang Berhormat apa itu national interest. Tetapi apa yang saya nyatakan di sini ialah FIC menjalankan kerja-kerja ini di bawah kebolehan yang diberi oleh undang-undang kepadanya. Jadi, inilah jawapan saya, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam konteks kelulusan yang diberikan oleh FIC mengikut kanun take over dan mergers exercise ini ada beberapa kriteria yang berkait dengan national interest, itu mungkin juga melibatkan pembelian yang dicadangkan oleh pelabur-pelabur asing. Maka itu satu bahagian di mana perlu FIC membuat kelulusan termasuk soal-soal tanah ini yang melibatkan national interest.

Bahagian keduanya mungkin dari segi mengenai waiver general offer, apabila ianya melebihi 33%. Jadi, kedua-duanya mungkin ada peranan dalam konteks kelulusan FIC ini. Bolehkah Yang Berhormat berikan penjelasan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya boleh jawab kemungkinan, tetapi ini adalah Parlimen, saya tidak berani menjawab satu persatu sebab-sebab. Jadi kita akan membuat kenyataan yang tertentu, yang lebih tepat dan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Wangsa Maju tadi ialah kemungkinan-kemungkinan. Saya boleh memberi kemungkinan-kemungkinan

ini, tetapi pada masa ini saya tidak ada butir-butir yang sebenarnya apa yang dikatakan national interest itu. Biarlah di dalam Parlimen ini saya bercakap mengenai fakta-fakta yang tepat sahaja. Kita boleh membuat spekulasi dan boleh membuat kemungkinan-kemungkinan, tetapi di dalam peraturan kita, saya tidak boleh menyatakan sesuatu yang saya sendiri tidak mengetahui apa dia rationalisations yang dibuat oleh UEM tadi. Jadi, Yang Berhormat sabarlah supaya dapat kami beri jawapan yang lebih mengenai national interest tadi....

**Tuan Lim Kit Siang :** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia bangun lagi, Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya setuju bahawa oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang tidak tahu apa itu national interest, di mana FIC gunakan untuk memberi waiver, sungguhpun 33% belum dicapai, tetapi ada waiver telah diberi. Memandangkan apa yang berlaku dalam tiga hari ini di mana ada kejatuhan BSKL, adakah sekarang Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju bahawa waiver yang diberi sungguhpun belum sampai atau sekurang-kurangnya satu blessing untuk deal di antara UEM dengan Renong, bukan in the national interest. Sebenarnya ialah tidak in the national interest, boleh kata memandang sebaliknya.

Yang kedua, bukankah sebenarnya sesiapa yang membuat keputusan untuk memberi consent atau blessing kepada Renong-UEM deal ini patut tahu ini akan berlaku. Oleh kerana pada masa sekarang masalah utama ialah investor confident, apakah ini berlaku yang menunjukkan tidak transparency di mana anak syarikat boleh membeli syarikat bapa dan menidakkan hak-hak minority share-holder, ini sudah tentu akan menimbulkan satu krisis keyakinan. Kalau begitu mereka yang bertanggungjawab patut tahu, kerana ini not in the national interest dan adakah kerajaan akan mengkaji semula segala peraturan, segala perjalanan FIC supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Akhirnya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu kenyataan yang tegas bahawa satu kenyataan kementerian akan dibuat di Parlimen ini pada hari Isnin oleh kerana demi kepentingan orang ramai.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, itu saya boleh menyatakan kita akan

memberi kenyataan di Parlimen ini mengenai dengan detail, apa yang dikatakan national interest yang mana digunakan sebagai asas oleh FIC untuk membolehkan pengambilalihan ini. Tetapi Yang Berhormat meminta 'preempt'. Yang Berhormat meminta saya supaya bersetuju dengan apa Yang Berhormat katakan tadi. Sebelum saya mendapat segala sebab yang dikatakan national interest itu, saya tidak dapat mengatakan setuju ataupun tidak setuju.

Soalan kedua Yang Berhormat, adakah pemberi approval ini tahu bahawa ianya akan menjejaskan pasaran, mana saya hendak tahu, mungkin dia tidak tahu. Kalau dia tahu mengenai dengan kedudukan pasaran tentu dia tidak memberi sewenang-wenangnya. Tetapi persoalannya sekarang Yang Berhormat bertanya adakah saya tahu? Sebenarnya saya tidak tahu mengenai apa yang ada di dalam kepala mereka. Tetapi persoalannya ialah kita menerima hakikat bahawa penghakisan keyakinan berlaku, mungkin sebahagian daripadanya disebabkan oleh deal ini. Yang Berhormat juga mesti ingat bahawa penghakisan keyakinan juga berlaku disebabkan oleh apa yang berlaku di sekeliling, misalannya pasaran saham dan juga kejatuhan wang di Korea dan lain-lain. Begitu juga keberkesanan rescue di Thailand tidak berapa berkesan. Jadi, ini merupakan faktor yang banyak dan saya tidak menafikan bahawa deal ini telah menyebabkan penghakisan keyakinan. Oleh itu, Yang Berhormat perlu mengambil kira di dalam perbincangan kita.

Mengenai soal supaya saya membuat statement mengenai dengan apa yang dimaksudkan national interest oleh pihak FIC di dalam membolehkan pengambilalihan ini, kita akan membuatnya pada hari Isnin nanti. Insya-Allah.

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi ada sebab-sebab sekeliling mengenai apa yang berlaku di Korea Selatan, di Thailand dan lain-lain. Kita juga tidak boleh menyangkal mengenai apa yang berlaku dalam dua tiga hari ini. Jadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju bahawa kita tidak boleh mengambil faktor-faktor ini sebagai faktor utama, mungkin 10% atau 20%, tetapi tidak boleh menyalahkan kejatuhan BSKL atas faktor-faktor luar, oleh kerana kalau kita lihat dalam dua-tiga bulan ini kejatuhan BSKL untuk sehari ialah 66 mata yang

tertinggi sekali, tidak pernah berlaku dalam krisis dua-tiga bulan ini. Apa yang berlaku pada 3 September 1997 ialah kerana decimation stock itupun 44 mata (point). Oleh sebab itu kita tidak boleh salahkan unsur-unsur luar sebanyak 75%, 80% oleh kerana deal UEM dan Renong, sebab kita tidak mahu alihkan tumpuan kita.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya tidak cuba mengalihkan mengenai dengan faktor-faktor ini. Yang Berhormat kata 75%, 80% itu Yang Berhormat tahu dari mana? Adakah analysis of variant dibuat untuk mengetahui mengenai berapa peratus yang dipengaruhi oleh sesuatu faktor. Yang Berhormat cukup pasti 75%, 85%. Saya mengatakan bahawa selain daripada faktor ini, lain-lain faktor juga berlaku. Saya tidak menyebut tentang faktor mana yang significant dan faktor mana yang tidak significant. Tetapi Yang Berhormat cukup pasti bahawa 75%, 85%, 90% disebabkan oleh .....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Menyampuk*]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** ....90%. Itu tidak profesional, tidak akademik. Jadi, kalau kita hendak mengetahuinya kita kena membuat satu analysis yang dipanggil analysis of variant yang kita mengetahui ialah soal peratusan yang disebabkan oleh faktor-faktor ini. Jadi, Yang Berhormat, saya tidak mahu memanjangkan hal ini, kalau Yang Berhormat merasa gundah, saya pun gundah juga mengenai kejatuhan ini, mengenai dengan deal yang menyebabkan kejatuhan keyakinan, di mana saya sendiri ada bercakap di dalam Dewan ini menyatakan bahawa segala prinsip ekonomi telah pun kita aplikasikan, telah pun kita cuba. Kita tidak mahu naikkan interest rate, tetapi interest rate naik dengan sendirinya, BLR naik dengan sendirinya. Jadi, kita cuba segala-galanya mengikut kaedah-kaedah ekonomi, tetapi masih lagi berlaku kejatuhan harga saham, kejatuhan nilai Ringgit. Pada saya ini adalah disebabkan oleh krisis keyakinan. Kalau faktor ini menyebabkan krisis keyakinan, maka kita perlu memperbaikinya dan bukanlah saya hendak mempertahankan FIC dengan membuta-tuli, tetapi kita perlu membetulkan keadaan kalau ianya tidak betul. Jika ianya betul, kita pertahankanlah. Persoalannya sekarang Yang Berhormat, saya tidak dapat buat statement yang tepat di dalam hal ini dan kalau saya membuat statement yang tidak tepat, ianya mungkin memberi pengaruh yang tidak baik atau negatif kepada pasaran.

Tuan Pengerusi, kita lihat dahulu apabila Wall Street jatuh 500 mata di dalam masa satu hari sahaja, tetapi pada hari yang kedua ianya telah rebound. Ini bukan disebabkan oleh pembeli-pembeli saham renceh-renceh seperti Micky Mouse ataupun Donald Duck. Ini adalah disebabkan pembeli-pembeli saham ataupun pelabur-pelabur institusi yang besar-besar daripada Wall Street datang balik untuk membelinya. Kita mengharapkan pasaran Malaysia pun berlaku begitu. Jadi apa yang berlaku pada dua-tiga hari yang lepas adalah sebaliknya, kalau Yang Berhormat susah hati, saya lagi susah hati sepertimana kata Yang Berhormat dari Kepong tadi, saya senak, sakit perut dan macam-macam - memang tidur pun tidak lena sebagai Timbalan Menteri Kewangan.

Saya kata tadi segala prinsip dan kaedah ekonomi telah pun dilakukan oleh kerajaan, tetapi masih lagi berlaku. Ini adalah the demise of economic principle, yang mana saya hendak jawab apa yang Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian bangkitkan tadi iaitu mengenai dengan teori dan praktik ekonomi.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Yang Berhormat dari Rompin.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak minta penjelasan dengan Dato' Timbalan Menteri, dalam suasana sekarang kita tidak jangka langsung, termasuk dalam dua-tiga hari ini berlaku kejatuhan pasaran saham di Korea dan dalam sehari dua ini kita dengar di Brazil pula. Adakah sentimen-sentimen ini ada hubung kait dengan kejatuhan ini? Isu UEM dengan Renong ini, mungkin salah satu daripada causenya. Ini juga bergantung kepada faktor-faktor lain, bukan itu sahaja. Tetapi sekarang DAP menunjukkan itu sahaja tidak ada yang lain. Dia cuba hendak mencari satu pandangan politik yang murah, jadi saya minta penjelasan sedikit.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya telah berkata dari awal tadi mengenai kejatuhan-kejatuhan yang berlaku di dalam pasaran dunia, walaupun pasarannya mempunyai fundamental yang kuat, bukan disebabkan oleh fundamental itu sendiri, tetapi disebabkan oleh keyakinan pelabur-pelabur dunia pada masa ini, sebab itu saya tidak boleh mengatakan bahawa ini disebabkan ....ini.....ini.....ini..... berapa peratus sepertimana yang dari Tanjong cakap tadi. Tetapi persoalannya

saya tidak menolak sama sekali bahawa deal ini menyebabkan sedikit sebanyak penghakisan, berapa percent kita tidak tahulah, itulah yang saya nyatakan di sini dan saya harap Yang Berhormat pada minggu hadapan kita akan membuat kenyataan.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** .... mengenai hal ini, iaitu kita akan memberi sebab-sebab apa yang dikatakan national interest yang digunakan di dalam kaedah 3.4.2 tadi, yang digunakan oleh pihak FIC.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Yang Berhormat bilakah agaknya pengumuman dapat diadakan mengenai urusan niaga? Kenyataan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ministerial.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ministerial statement - penerangan menteri mengenai urusan niaga UEM dan Renong. Adakah Yang Berhormat percaya bahawa ini merupakan satu tanda bahawa besar kemungkinan akan berlakunya kemerosotan yang dahsyat sepertimana yang berlaku pada tahun-tahun tiga puluhan, the great economy deprived. Adakah ini bermula bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia dan kita di dalam DAP bukan mengatakan inilah hal-halnya atau satu-satunya faktor yang menyebabkan 'gawatan' ekonomi kita. Kita ada sebutkan entah berapa kali terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kehilangan keyakinan, tidak seperti yang disebutkan oleh Rompin. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab dengan tepat, kerana ketelusan itu sangatlah kurang.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat dari Kepong ini selalu dia ketinggalan. Saya kata pada minggu hadapan kita akan membuat kenyataan. Tetapi dia masih bertanya bila? Persoalannya kita akan buat satu keterangan yang lebih lengkap daripada apa yang ada pada kita pada masa ini. Oleh itu biarlah kita tinggalkan dahulu hal ini dan ianya adalah satu perkara yang dengan izin, taken by surprise, take us by surprise.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Tanjung bangun pula.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh minta penjelasan sedikit?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya. Saya hendak habis ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Akhir.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Okay.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan kenapa ada ahli-ahli Parlimen UMNO, khususnya dari Rompin, yang tidak mahu mengakui bahawa sebab utama kejatuhan BSKL sekarang ini ialah oleh kerana malapetaka UEM dan Renong. Mereka tidak membaca tulisan-tulisan mass media sama ada tempatan atau luar negeri, mereka mimpi-mimpi sahaja tidak mahu mengakui kenyataan - semua orang tahu. Tetapi ada ahli-ahli Parlimen tidak tahu - tidak mahu tahu - three monkeys.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa ini!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa ada.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Monkeys apa ini? Hey! Hey!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa kita ahli-ahli Parlimen .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Hey! Who is the monkey here, come on! Who is the monkey here! [*sambil menjerit dan mengangkat tangan*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa kita ada ahli-ahli Parlimen yang .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** A point of order. Penjelasan, who is the monkey here?

**Tuan Lim Kit Siang:** ... yang begitu daif....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Who is the monkey here? [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang begitu daif macam ini.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Who is the monkey here?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Three monkeys, kalau.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Who is the monkey?

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau mereka.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tanjong.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau mereka mengaku dia monkey, dia monkeylah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Who is the monkey here! Who is the donkey here!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau dia monkey - monkey.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Come on, point of order, 36(6).

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Point of order. Unparliamentary.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ada monkey here, dapat dilihat.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Apa ini!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Come on, who is the monkey here!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Seorang Ahli:** Four peoples are monkeys.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order. Duduk! Duduk!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada point of order, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** [Menyampuk]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduk! Duduk. Point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Pertanyaan penjelasan!

**Seorang Ahli:** Kamulah monyet!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Come on!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Seorang Ahli:** Duduklah beruk!

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kenapa kita ada sikap semacam itu, traditional three monkeys. Eyes and eyes knock, ears and ears knock.

**Seorang Ahli:** Speak knock!

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu traditional three monkeys. Kenapa? Semua kita tahu tulisan tempatan, surat khabar tempatan, surat khabar luar negeri semua tahu, kenapa kita ada sikap semacam ini di dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya pun hendak tanya Yang Berhormat, mengapa Yang Berhormat menggunakan isu ini untuk menyakitkan hati ahli-ahli Parlimen dari UMNO. Dia tidak mengatakan bahawa itu tidak merupakan satu faktor yang utama, dia mengatakan ada lain-lain faktor. Dia tidak menolak bahawa faktor deal ini merupakan satu faktor yang menghakis keyakinan di dalam pasaran. Yang Berhormat sengaja, sebagai seorang ahli Parlimen selama 30 tahun di dalam Parlimen ini memprovoke kawan-kawan yang .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Itu maknanya.....[Menyampuk]

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat sebagai seorang ahli Parlimen selama 30 tahun mesti faham tentang soal-soal.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Rompin bangun pula.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tentang soal etika, soal decuorum dan sebagainya. Soalnya dia tidak menafikan bahawa faktor ini merupakan satu faktor yang penting, tetapi dia kata ada faktor lain - dia tidak menafikan. Yang Berhormat baca *Hansard* - dia tidak menafikan. Dia kata lain-lain faktor seperti pasaran saham di Brazil dan Korea pun jatuh. Jadi, Yang Berhormat sengaja hendak menjolok mereka supaya mereka marah, kalau ini dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Intan tidak apalah, dia tidak tahu apa, dia baru masuk 6 bulan. [Ketawa]

Yang Berhormat duduk dalam ini, Yang Berhormat mengatakan dan menuduh....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Pengerusi, ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Rompin hendak minta jalan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Parliamentary performance. Tetapi Yang Berhormat pun lower juga Parliamentary performanceny.

**Beberapa Ahli:** Ya! Betul!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Jadi.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Penjelasan sedikit. Saya duduk di belakang tadi, tiba-tiba bangkit macam satu tuduhan seperti tidak tahan, mungkin anaknya kena bela sedikit. Selama 30 tahun duduk di dalam Dewan ini, diusik sedikit sudah melompat. Hai! Mungkin sudah sampai masanya anaknya kena ambil alihlah. Betul! Saya tidak mengatakan yang lain, saya kata adakah faktor-faktor luaran, faktor lain, tetapi yang melompat tiga monkeys. Jadi, saya minta penjelasan tiga monkeys ini siapa? Ini provokasi, sebab kalau Yang Berhormat memang pandai benar sokong - sokong usul anti-Amerika ini, takut hilang undi di grassroot, tetapi bila undi cabut, menggunakan alasan minta asingkan - typical. Saya mungkin baru, tetapi saya boleh bacalah sedikit politik DAP. Tetapi tolonglah ajar. Kalau kami yang baru mungkin, tetapi cara Ketua Pembangkang ini bukanlah guru yang baik - minta maaf.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, cukuplah setakat itu. Jadi saya terlekat di tengah-tengah. Tetapi menjawab.....

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Nanti sekejap, .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kota Melaka minta jalan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya hendak menjawab sekarang ini, to be fair. Untuk adil kepada kawan saya dari Kepong, beliau bertanya saya mengenai apakah apa yang berlaku ini merupakan perkara-perkara antecedent sepertimana yang berlaku pada tahun tiga puluhan dahulu, kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong membaca analisa-analisa oleh ahli-ahli ekonomi seluruh dunia baik daripada Barat mahupun Timur, ianya tidak merupakan antecedent yang sama. Ia tidak merupakan predisposing factors, bercakap dalam bahasa doktor ubat - predisposing factors yang sama, kerana persoalan yang ada sekarang

ialah kebanyakannya disebabkan oleh sentimen, pada tahun tiga puluhan dahulu disebabkan oleh kerapuhan fundamentals ekonomi dunia pada masa itu. Saya catit, tetapi saya lupa hendak jawab tadi oleh kerana Yang Berhormat dari Kepong adalah kawan saya semenjak dahulu lagi, jadi saya jawab pertanyaannya, tidak ada masalah sepertimana yang pratahun tiga puluhan dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa satu pernyataan Menteri akan dibuat pada minggu hadapan, tetapi memandangkan besok BSKL masih membuka pasaran, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyelamatkan keadaan, kerana saya takut kalau hari ini boleh jatuh sebanyak 66 mata, apa akan berlaku besok, sungguhpun pada malam ini ada mesyuarat tergepar UMNO (MKT). Tetapi saya rasa setakat itu mungkin tidak mencukupi dan seperti yang saya nyatakan tadi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju bahawa pembelian sebanyak RM2.4 bilion ini telah mencetuskan kehilangan nilai pasaran BSKL sebanyak RM70 bilion. Ini adalah suatu yang harus diambil tindakan dengan segera. Saya takut nanti mungkin pada minggu hadapan sudah lewat kerana di dalam pasaran BSKL saya telah ditanya tadi, adakah benar bahawa besok Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan mengumumkan bahawa urusan BSKL akan digantung buat sementara. Inilah khabar angin yang bertiup. Kalau ini dibenarkan berlaku dalam keadaan yang begitu menentu saya rasa kalau kita tunggu sampai minggu hadapan mungkin terlewat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta saya membuat telahan apa yang terjadi pada hari esok, saya tidak tahulah. Itu Tuhan sahajalah yang tahu, Yang Berhormat. Pelabur-pelabur sendiri pun tidak tahu, kerana perkara ini berlaku daripada aggregate decision bukan individual decision. Jadi ini masalahnya, Yang Berhormat tanya macam-macam. Let us not play God, dengan izin, Tuan Pengerusi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Parit Sulong bangun pula, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalaulah kerajaan akan membawa satu kenyataan

ministerial mengenai apa yang sedang berlaku di Renong dan UEM ini, saya harap kenyataan ini datang dari kerajaan yang prihatin, bukan atas desakan dan sokongan pihak pembangkang - itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Kita akan membuat kenyataan.

Tuan Pengerusi, saya masuk kepada soal SPANCO yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong. Ingin saya nyatakan bahawa sistem SPANCO dibuat untuk menyelaraskan dan menyelesaikan lagi penggunaan kereta-kereta oleh kerajaan. Tetapi selepas SPANCO berjalan dua tahun lebih ini ada banyak komplain daripada pihak pengguna. Jadi, pada masa ini cukuplah untuk saya nyatakan bahawa kita sedang mengkaji semula sistem SPANCO agar ianya dapat diperbaiki lagi dan perbelanjaan kerajaan akan dapat dipertahankan pada tahap yang lebih rasional.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, ini amat penting untuk saya bertanya. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau daripada kajian yang kita perolehi, kerajaan mendapati bahawa SPANCO ini tidak lagi boleh diizinkan untuk terus berleluasa dengan gerakan sekarang. Adakah pihak kerajaan akan mengambil keputusan supaya ditamatkan kontrak itu dan dicari pada orang yang baru dengan scope and terms of function yang lebih ketat dan menguntungkan kerajaan?

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, ini tertakluk kepada apa yang akan didapati oleh jawatankuasa yang disuruh membuat kajian ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Balik Pulau dan Kubang Kerian bercakap mengenai dengan peranan dan keberkesanan Bahagian Penganalisa Ekonomi, di Perbendaharaan (Treasury). Ingin saya nyatakan bahawa bahagian ini mempunyai fungsinya sendiri iaitu ianya menjalankan analisa-analisa ekonomi untuk kegunaan kerajaan, tetapi ianya dibuat berasaskan kepada statistik-statistik yang dikutip oleh Jabatan Statistik. Analisa ini bukan sahaja merupakan satu sumber sahaja untuk kerajaan membuat keputusan,

malah kerajaan juga mengambil dari sumber-sumber lain iaitu laporan daripada kewangan, laporan kedudukan ekonomi Bank Negara, laporan daripada MIER dan juga lain-lain laporan yang ada relevannya dengan ekonomi negara pada masa ini.

Di sini kerajaan mempunyai banyak sumber dan mengenai soal Ahli Yang Berhormat dari - saya pun lupa dari mana, adakah kerajaan menggunakan pakar-pakar ekonomi dan orang-orang bisnes, ingin saya nyatakan kedua-duanya digunakan. Tetapi untuk memastikan bahawa pengurusan mikro ekonomi kerajaan memanglah kita pegang kepada ahli-ahli ekonomi, termasuk Yang Berhormat dari Wangsa Maju sendiri apabila beliau menjadi pengarah MIER dahulu dan mungkin termasuk Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau semasa dia menjadi Profesor Ekonomi mengajar ilmu game theory di Universiti Utara Malaysia dahulu. Jadi, persoalannya kerajaan menerima input dari semua sumber yang mempunyai authority di dalam bidang ekonomi. Memang pihak kerajaan menerima pendapat-pendapat daripada ahli-ahli perniagaan untuk.....

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Parit Sulong bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Ya, sekejap. Biar saya habiskan soalan ini. Kerajaan menerima pendapat-pendapat daripada ahli perniagaan di dalam hal-hal mikro, di dalam hal-hal business strategy, di dalam hal-hal pelaburan. Jadi, ahli ekonomi seperti Ahli Yang Berhormat dari Wangsa Maju dan Balik Pulau mereka hanya academician, mereka mungkin tidak tahu pelaburan, kalau ahli ekonomi dari Balik Pulau tahu hal pelaburan, dia tidak menjadi ahli Parlimen, mungkin dia menjadi jutawan macam George Soros. Tetapi tiap-tiap orang ada fungsi, ada kelebihan serta ada kegunaannya sendiri.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya lebih jauh dari ahli ekonomi, saya penulis sahaja. Kami yakin kepada fungsi ini dan kami juga sedar mengenai kewujudan institusi-institusi penganalisa yang lain seperti MIER, Bank Negara dan sebagainya. Cuma yang saya persoalkan tadi adakah pertukaran maklumat di antara institusi ini, sekiranya ada perkara-perkara yang memberi signal mengenai kewujudan sesuatu perkara yang tidak elok dengan jangka masa yang pendek, apakah yang dilakukan. Umpamanya you receive a signal

mengenai ribut taufan yang akan datang melanda, beberapa institusi ekonomi ini kita tahu akan ada satu ribut ekonomi yang kencang. Sekiranya ada signal macam itu, apa yang dibuat. Adakah dia hendak tunggu end of the year ataupun hendak tunggu budget session baru hendak membuat sesuatu, ataupun dia mempunyai hak dan kuasa untuk berunding dengan kawan-kawan yang lain dan pada waktu yang sama mengambil rumusan menasihati kerajaan untuk bertindak seberapa segera bagi mengatasi ribut yang sedemikian.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, memanglah ada signal, sebab tiap-tiap laporan itu seperti Laporan Bank Negara, Laporan Perbendaharaan dikeluarkan di masa-masa yang berlainan. Di hujung tahun dikeluarkan Laporan Perbendaharaan, di pertengahan tahun dikeluarkan Laporan Bank Negara, Statistic Department dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, saya minta hendak habiskan sebelum pukul 6.30 petang sebab pada minggu hadapan saya tidak ada, saya akan berada di Damascus, Syria untuk menghadiri Mesyuarat Menteri Kewangan Negara-negara Islam.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi, saya hendak jawab secepat mungkin. BLR memang sedang naik sekarang, oleh sebab cost of money sedang meningkat disebabkan kedudukan kewangan sekarang ini. Apa yang saya dapat pada masa ini, BLR yang paling tinggi adalah yang mana dikemukakan oleh Public Bank dan Bank Bumiputera Malaysia Berhad iaitu sebanyak 10%, manakala Maybank adalah 9.75%. Memang kita bahawa ramai orang yang akan terbeban dengan kenaikan BLR iaitu kenaikan kadar faedah.

Mengikut ahli-ahli ekonomi yang memberi ubat yang paling baik ialah kenaikan interest rate iaitu ianya akan melakukan atau membawa kepada kepekatan, kecairan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi. Persoalannya ialah memang kita tidak menafikan bahawa ramai orang yang meminjam bank akan merasai bebannya dan inilah satu perkara yang kita akui dan kita terpaksa sama-sama menanggung.

Mengenai dengan pinjaman untuk sektor produktif - memanglah sepertimana juga yang dibangkitkan selain daripada Ahli Yang Berhormat dari Tambun, dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau mengenai dengan pengalihan sumber-sumber. Pada masa ini kita sedang mengalih segala sumber kepada sektor yang produktif, sektor yang mengeluarkan barang-

barang yang tradeable, untuk mengatasi masalah current account deficit kita. Oleh sebab itu, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Bank Negara sendiri telah mewujudkan kuota di dalam pinjamannya iaitu kuota untuk equity financingnya hanya setakat 15%, untuk hartanah adalah sebanyak 20%. Manakala liberalisasi sektor kewangan kita memang mesti, sebab kita adalah menandatangani perjanjian WTO. Jadi, kita mesti menghadapi apa yang akan datang. Satu daripadanya ialah kita meminta supaya bank-bank kita meningkatkan status mereka kepada TA(I) supaya efficiency akan dinaikkan. Tetapi masalahnya, Tuan Pengerusi, sekarang ini, negara menghadapi ketiadaan yang cukup pegawai-pegawai di dalam sistem perbankan dan pada masa ini sebelum kita menunggu cukupnya orang-orang yang mengetahui tentang hal-hal perbankan ini, kita terpaksa bersabar sedikit, kerana kalau satu daripada cara untuk mengatasi ketiadaan pegawai-pegawai yang cukup ialah dengan merger, mencantumkan bank-bank ini. Tetapi malangnya percantuman ini tidak secepat yang kita dapati kerana ada masalah-masalah internal di dalam bank yang hendak dicantum ini, iaitu masalah siapa hendak kontrol, masalah siapa hendak menjadi chairman serta perkara-perkara yang titik-bengek.

Saya akui bahawa sektor perbankan, kita perlu meningkatkan efficiencynya dan ingin saya nyatakan di sini apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi adalah baik, kerana apa yang kita perlu memeriksa model ekonomi kita khususnya dalam ekonomi private sector ini, kita perlu mengkaji semula model ini, kerana pada masa sekarang di dalam hal kapital atau di dalam kewangan, financial capital kita terlalu dependent ataupun bergantung kepada sistem perbankan, pada hal perbankan kita tidak begitu efisien dan 80% dalam pasaran kewangan kita dipegang oleh bank, pada hal di Amerika hanya 19%. Jadi, perlu kita membangunkan sektor bon, sektor unit trust dan akhirnya kepada sektor ataupun di dalam bidang-bidang derivative, yang mungkin kita tidak dapat capai pada masa ini, kerana itulah jalan evolusi kematangan sistem kewangan sesebuah negara. Jadi, pergantungan kita kepada perbankan ini adalah disebabkan kita terlalu meniru model Jepun. Kalau begitu saya setuju dan kita akan mengkaji masalah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Senai membangkitkan masalah berlaku 'jammed' di Causeway. Sebenarnya saya diberitahu oleh pihak kastam, tidak ada masalah di pihak kita. Yang berlaku jammed

berbatu-batu ini disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan, construction works di sebelah Singapura. Pihak kastam menafikan, malah Yang Berbahagia Dato' Ketua Pengarah Kastam sendiri telah pergi ke situ dan melihat. Sebenarnya tidak ada perkara-perkara yang dilakukan oleh kastam, hanya the normal practise. Apa yang berlaku ialah lane di sebelah Singapura ditutup dua lane, hanya dua lanes sahaja yang ada. Inilah yang menyebabkan traffic jammed dan inilah....

**Datuk Lim Si Cheng:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun pula.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Ya, Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat dari Kota Melaka menyatakan mengenai dengan harga minyak. Sebenarnya harga minyak masak kelapa sawit sedang dikaji oleh pihak kerajaan dan pandangan Yang Berhormat akan di'ambilalih', di'ambil kira' [Ketawa] - saya teringat 'ambilalih' daripada awal tadi. Kita tahu bahawa 50% sahaja digunakan dan pihak kerajaan adalah prihatin di dalam hakikat ini. Jadi, kita akan mengira faktor-faktor yang dibangkitkan itu.

Yang Berhormat dari Rompin juga telah membangkitkan masalah perolehan di dalam Perbendaharaan. Kita mengambil kira mengenai dengan pendapat-pendapatnya dan sebahagian daripada pendapatnya telah pun diaplikasikan oleh pihak kerajaan.

Akhirnya, Yang Berhormat dari Teluk Intan telah membangkitkan perkara-perkara yang sebenarnya adalah merupai dasar, tetapi biar saya mengatakan di sini, pada tahap ini di dalam perbankan kita, kita tidak ada masalah over lending.

Soal non-operating loan, saya diberi maklumat bahawa kita hanya mempunyai 3.6% sahaja non-operating loan di dalam sistem perbankan kita, iaitu satu kadar yang rendah. Jadi, tidak ada sebab, tidak ada asas maka kita perlu bimbang tentang keadaan bank. Keadaan bank kita setakat ini adalah kukuh dan kita tidak perlu bimbang sepertimana Yang Berhormat bimbangkan.

Mengenai masyarakat India dan lain-lain lagi, kita tidak mahu bangkitkan lagi sekalilah mengenai hal ini. Memang Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang memberi pengagihan yang sama adil. Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada kawan-kawan yang telah membincang dan berhujah mengenai dengan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM411,303,600 untuk Maksud B.28; RM640,654,600 untuk Maksud B.29; RM3,776,453,110 untuk Maksud B.30; RM284,546,900 untuk Maksud B.31; RM10 untuk Maksud B.32 dan RM37,038,800 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM411,303,600 untuk Maksud B.28; RM640,654,600 untuk Maksud B.29; RM3,776,453,110 untuk Maksud B.30; RM284,546,900 untuk Maksud B.31; RM10 untuk Maksud B.32 dan RM37,038,800 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM430,164,160 untuk Maksud P.28; RM92,157,200 untuk Maksud P.31 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM430,164,160 untuk Maksud P.28; RM92,157,200 untuk Maksud P.31 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*